

قَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"KITA tidak pernah melihat orang lain dengan kaca mata yang buruk, kerana itu adalah hak dan pilihan mereka. Kita juga tidak mengharapkan mereka untuk menerima dan mempersetujui kita, tetapi memadailah jika mereka menghormati kita sahaja, sebagaimana kita juga menghormati mereka." - Titah Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah, 2013 pada 30 Jamadilakhir 1435 / 30 April 2014.



قَلْبُ بَرُونِي Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيسْنَا اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat 10 golongan (iaitu:)
pemakan riba, pemberi makan riba, pencatat riba, kedua saksi riba, pengambil upah cina buta dan suami yang mengupah cina buta, orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat, pembuat tatu dan orang yang minta ditatu."
- (Hadis riwayat Ahmad).

TAHUN 59 / BILANGAN 92

23 JULAI 2014 / 1435 رمضان 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA



بُولَن رَمَضَانَ قَتَوُح بَرَكَتِ Bulan Ramadan Penuh Berkah

YTM berangkat ke Majlis Tahlil



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menadah tangan ketika doa tahlil dibacakan semasa berkenan berangkat ke Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 24).

Dikurniakan Ijazah Sarjana Muda Sastera

LONDON, UNITED KINGDOM, Isnin, 21 Julai. - Paduka anakanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen telah berkenan berangkat menerima anugerah Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam satu Majlis Penganugerahan Ijazah yang telah diadakan di Barbican Centre, London.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen telah dianugerahkan dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dalam bidang

Politik Antarabangsa daripada Kings College London, United Kingdom.

Berangkat ke Majlis Penganugerahan Ijazah tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menerima anugerah Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dalam bidang Politik Antarabangsa pada Majlis Penganugerahan Ijazah yang diadakan di Barbican Centre, London. - Foto Ihsan : Roland Kemp.

MKRJ sampaikan mesej keselamatan jalan raya

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terutama pengguna jalan raya melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya,

di samping sebagai mendukung 'Decade of Action for Road Safety 2011-2020'.

Sehubungan itu, sebanyak 3,000 keping kad raya yang mengandungi mesej-mesej keselamatan jalan raya telah diberikan kepada pemandu-pemandu dalam Kempen 'Beringat-Ingat' Keselamatan Jalan Raya yang diadakan serentak di seluruh negara.

Ke muka 24



Muka 3

KEMENTERIAN Kesihatan
adakan Sambutan
Nuzul Al-Qur'an



Muka 4

KEMENTERIAN
Perhubungan terus
semarakkan Ramadan

Hayati asas-asas kewibawaan sebagai etika kerja

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

USAHA ke arah memantapkan kewibawaan dan integriti dalam Perkhidmatan Awam adalah usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kewibawaan dan integriti Perkhidmatan Awam memerlukan asas-asas penting di dalam diri setiap anggota Perkhidmatan Awam yang mana pada utamanya, antara lain, ialah amanah, jujur, bertanggungjawab dan berakuntabiliti.

Setiap penjawat awam perlu menghargai dan sebagai natijah akhirnya, menghayati asas-asas kewibawaan sebagai budaya atau etika kerja. Kewibawaan ini sangat diperlukan di dalam melaksanakan tugas sama ada di peringkat pemprosesan mahupun di peringkat membuat keputusan tanpa dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau sifat-sifat yang tidak bertanggungjawab, antara lain, pilih kasih, melambatkan proses, membuat ancaman atau tuntutan rasuah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2010 pernah bertitah:

"Jika negara memenuhi etika perkhidmatannya yang telus tanpa pilih kasih dan rasuah, maka insyaaAllah, apa jua yang dirancang diusahakan akan berjalan dengan lancar dan berkat. Inilah integriti yang perlu ada pada Perkhidmatan Awam. Tanpa integriti ini, sesebuah negara boleh runtuh, atau paling tidak, akan kehilangan daya membangunnya."

Menyebut etika kerja ini, ianya adalah mudah diperkatakan dari untuk dilaksanakan dan dihayati. Memandangkan sifatnya yang sedemikian, adalah perlu kita perkatakan sedikit di peringkat terasnya untuk kefahaman. Sebarang penghayatan, termasuk etika kerja, tidak wujud secara automatik melainkan didahului oleh pemahaman, lagi dalam pemahaman lagi mantap penghayatannya.

Teras pertama yang perlu difahami bahawa kemajuan sosioekonomi untuk kesejahteraan semua tidak datang menggolek begitu saja. Kemajuan dan kesejahteraan adalah diperolehi dari perancangan, kerja keras, cara hidup dan sikap dan pemikiran.

Cuba kita lihat perbandingan di antara, pada satu pihak, pekerja yang rajin, berdisiplin, kreatif, produktif dan mematuhi undang-undang, dan pada satu pihak, pekerja yang oportunis, menganggap kerja sebagai hukuman, penjenayah, tidak berdisiplin dan nafsu-nafsi.

Tanpa kita cuba untuk membutirkan apa perbezaan natijah di antara kedua kelas pekerja ini, impak masing-masing ke atas kemajuan

sosioekonomi dan kesejahteraan adalah jelas dan nyata.

Dari sini, kita boleh melihat apa teras kedua yang perlu kita fahami, bahawa, di bawah etika kerja yang diperlukan terdapat rangkaian sikap, nilai dan pemikiran yang perlu dimajukan.

Teras ketiga ialah bahawa yang kita maksudkan *pekerja* untuk *beretika* itu bukanlah semata-mata pekerja biasa atau pekerja bawahan. Ia adalah meliputi majikan, pemimpin dan tenaga profesional. Pendeknya tidak ada yang terkecuali.

Teras keempat ialah bahawa masyarakat yang maju boleh mundur jika etika kerjanya mengalami hakisan.

Teras kelima bahawa hakisan etika kerja boleh dicegah melalui langkah-langkah pendidikan dan motivasi.

Inilah konteks usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk menjaga dan meningkatkan etika kerja dan integriti dalam Perkhidmatan Awam melalui pendidikan, inisiatif pencegahan melalui tatacara dan prosedur bersesuaian yang dikenakan kepada semua warga Perkhidmatan Awam di semua peringkat tanpa pengecualian. Ini adalah semata-mata untuk kesempurnaan pengurusan dan pentadbiran berteraskan motivasi, keikhlasan, kejujuran, ketelusan dan amanah.

Peranan dan tanggungjawab ketua atau pemimpin di dalam memastikan kewibawaan etika kerja dan integriti Perkhidmatan Awam adalah sangat penting dan kritikal. Indeks yang menunjukkan ketidakpatuhan, penyalahgunaan kuasa atau kelembapan di dalam melaksanakan tugas dan membuat keputusan dan seumpamanya boleh menunjukkan prestasi perkhidmatan yang kurang positif. Petunjuk prestasi seumpama ini boleh memberi kesan kepada tahap keyakinan pelanggan.

Sejak tahun 2009, Negara Brunei Darussalam telah mula dinilai di bawah 'Transparency International' iaitu sebuah agensi bebas antarabangsa yang antara lain bertujuan untuk menilai ketelusan dan integriti di dalam Perkhidmatan Awam sesebuah negara. Penilaian ini menyukat kewibawaan, ketelusan dan integriti kita.

Pada tahun 2009, penilaian ini menempatkan Negara Brunei Darussalam di tangga 39 dengan mata 55. Pada tahun berikutnya 2010, Negara Brunei Darussalam telah ditempatkan di tangga 38 dengan mengekalkan mata sebanyak 55. Pada tahun 2011 pula, Negara Brunei Darussalam telah ditempatkan di tangga 44 dengan mata sebanyak 52. Pada tahun 2012, Negara Brunei Darussalam telah ditempatkan di tangga 46 dengan mata 55 dan pada tahun 2013 di tangga 38 dengan mata 60.

Kita wajarlah berusaha dengan lebih gigih untuk terus memperbaiki kedudukan negara



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa berucap pada Seminar Pengukuhan Integriti Dalam Perkhidmatan Awam, pada hari Selasa, 12 Syaaban 1435 Hijriah bersamaan 10 Jun 2014 Masihi, bertempat di Dewan Banquet, JPM.

di dalam penilaian ini bagi kepentingan untuk mencapai keyakinan pelanggan yang lebih tinggi.

Perkara ini pernah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-20 Tahun pada 2013.

Antara lain petikan titah baginda ialah:

"Pada hemat beta, belumlah layak lagi bagi seorang ketua atau pentadbir bercakap mengenai integriti dan efisiensi, jika peraturan-peraturan yang dibuat oleh kerajaan masih lagi dilanggar."

"Di sinilah pentingnya integriti dan kesaksamaan diamalkan untuk menjaga kepercayaan anak buah khususnya dan orang ramai amnya. Adalah sangat perlu bagi Perkhidmatan Awam memainkan peranan dengan lebih terarah dan lebih amanah dalam semua tindak tadbirnya..."

Perkhidmatan Awam dengan ekspektasi sentiasa berhadapan pelanggan yang terdiri daripada orang awam, swasta dan agensi-agensi kerajaan sendiri yang mengharap fungsi Perkhidmatan Awam yang cepat, cekap, efisien dan berkesan untuk memenuhi ekspektasi yang terus meningkat bagi kepentingan kehidupan rakyat dan pembangunan sosioekonomi.

Ke muka 13

Dari Sidang
Pengarang.

23 JULAI 2014 BERSAMAAN 1435 رمضان 25

PATUHI AKTA KAWALAN HARGA

MENJELANG musim perayaan Hari Raya Aidilfitri semua lapisan umat Islam, terutama para suri rumah tangga, pastinya sibuk membuat pelbagai persiapan bagi menyambut hari kemenangan umat Islam yang berpuasa, seperti menyediakan keperluan rumah, menyediakan pakaian, menyediakan makanan dan minuman dan bermacam-macam lagi persediaan.

Bagi membuat persediaan itu, selera kita untuk berbelanja juga meningkat. Jika boleh kita mahu semuanya serba-serbinya baru, pakaian baru, perabot baru, langsir baru dan ada juga mahu kereta baru. Walau bagaimanapun, semua itu bukan alasan untuk gedung-gedung peniagaan di negara ini mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya terutama ke atas barangan yang telah ditetapkan harga sempena musim perayaan.

Amat dikesalkan pada musim menjelang perayaan ini, jika ada peniaga yang tidak beretika dengan mengambil kesempatan mengaut keuntungan secara berlebihan dengan menaikkan harga barangan. Ianya termasuk kenderaan bermotor, barang-barang asas terpilih yang dikawal harga maksimum seperti barang keperluan dapur iaitu beras, gula, tepung biasa, susu tepung anak damit, susu (pekat dan cair), minyak masak dan lain-lain lagi. Sementara pada bulan ini, pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) juga telah mengeluarkan senarai barangan yang dikawal harga secara bermusim sebanyak 160 barangan telah ditetapkan harga maksimum.

Ekoran daripada itu, langkah agresif memang perlu dilaksanakan bagi memastikan tiada peniaga yang menaikkan harga mengikut Akta Kawalan Harga Penggal 142 yang dilaksanakan oleh JPKE iaitu dengan membuat lawatan susulan dan membuat teguran agar para peniaga sentiasa mematuhi akta tersebut, khususnya sempena dengan musim perayaan Aidilfitri yang tidak lama lagi menjelang.

Pemantauan yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan Kawalan Harga JPKE ke gedung-gedung perniagaan di negara ini ada satu langkah yang baik bagi membantu rakyat Negara Brunei Darussalam terutama yang berpendapatan rendah dalam menampung perbelanjaan harian mereka. Di samping itu, Perintah Pindaan Akta yang dikuatkuasakan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mulai 1 Januari 2013 itu adalah bertujuan untuk memastikan aktiviti-aktiviti promosi dan jualan murah di negara ini, dapat dilaksanakan dengan sihat tanpa ada penipuan daripada para peniaga.

Kompun tidak melebihi BND1,000 kepada mana-mana peniaga yang gagal mematuhi atau melakukan kesalahan undang-undang dan peraturan di bawah Akta Kawalan Harga atau menaikkan harga yang tinggi daripada yang ditetapkan oleh JPKE adalah wajar kerana JPKE adalah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan undang-undang tersebut bagi membantu rakyat dan penduduk negara ini dari penipuan dan sebagainya. Dengan yang demikian para pengguna perlu sentiasa berhati-hati agar jangan terpedaya dengan iklan jualan murah atau potongan harga.

Dengan yang demikian kita selaku pengguna perlu berbelanja dengan berhemat jangan lupa diri ketika berbelanja, seperti kata perumpamaan 'Ingat Sebelum Kena, Jimat Sebelum Habis', di samping memberikan sokongan padu atas usaha kerajaan melalui JPKE dengan melaporkan atau aduan segera jika mendapati mana-mana peniaga menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya, kerana perkara ini akan dapat membantu pengguna lain supaya tidak terpedaya. Bagi tujuan itu resit pembelian perlu disimpan untuk menjadi bahan bukti, kerana yang lebar senyumannya sudah pasti para peniaga, lebih-lebih lagi yang sudah siap mengatur strategi untuk menaikkan harga barangan dan awal-awal lagi sudah mencongak keuntungan yang bakal dikaut.

Apa yang penting di sini, para peniaga perlu mematuhi Akta Kawalan Harga dan kita selaku pengguna harus bersama memikul tanggungjawab bagi memantau kenaikan harga ke atas barang-barang kawalan dan jangan mengamalkan "Biar Papa Asal Bergaya" yang akan membebaskan kita sendiri.

Agama Islam sendiri tidak mahu umatnya hidup susah kerana itu kita dinasihatkan supaya hidup sentiasa bersederhana, tidak berlebih-lebihan dan membazir, contohnya dalam menyambut Hari Raya Al-Mubarak nanti, sambutan secara sederhana dan berhemah, jangan terlalu ikut hati sehingga berbelanja lebih daripada kemampuan dan menyusahkan diri, jangan jadikan sambutan Hari Raya Aidilfitri untuk bermegah-megah dan bermewah-mewah sehingga berlaku pembaziran dan menjadikan kita bersifat riyak. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrwan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
MUARA		
32°C / 24°C	32°C / 24°C	32°C / 26°C
PEKAN BANGAR		
31°C / 25°C	31°C / 24°C	32°C / 24°C
PEKAN TUTONG		
32°C / 25°C	32°C / 25°C	31°C / 25°C
PEKAN SERIA		
32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 26°C
KUALA BELAIT		
32°C / 25°C	32°C / 24°C	32°C / 26°C

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Kementerian Kesihatan adakan Sambutan Nuzul Al-Qur'an



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa hadir pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Bagi Tahun 1435H / 2014M kelolaan Jabatan Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Pergigian.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhamamd Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai.- Sebagai salah satu aktiviti keagamaan untuk menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia pada setiap tahun, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Pergigian mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an bagi tahun 1435H/2014M. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof. Pada majlis tersebut, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Syarikat Nazmi Textile bagi pihak Swasta telah menyerahkan sumbangan derma bagi DANA Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan

Tabung Bantuan Amal Pesakit (TBAP).

Hadir menyerahkan sumbangan derma bagi pihak BIBD ialah Pengarah Urusan BIBD, Awang Javed Ahmed manakala Syarikat Nazmi Textile diwakili oleh Pengarah Urusannya, Awang Nazeer Ahmad Zakaria yang diterima oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan seterusnya diserahkan lagi kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital RIPAS, Dayang Hajah Saidah binti Haji Abd. Wahib bagi DANA dan TBAP Hospital RIPAS.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma dan barang-barang keperluan asas daripada TBAP Hospital RIPAS kepada 15 orang penerima yang berdaftar di bawah Unit Kebajikan Perubatan Hospital RIPAS disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional and Teknikal), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said turut menerima penyerahan sumbangan berjumlah BND18,557.07 hasil dari kutipan Bazaar Amal dan Walkaton Titian 'Afiah yang telah berlangsung pada 15 Jun yang lalu diserahkan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Noor Hadi bin Haji Noor Kaseh, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Acara Walkathon

Al' Afiah serta aktiviti Jualan Amal bagi TBAP.

Majlis diikuti dengan menunaikan Solat Fardu Zuhur Berjemaah dan diteruskan dengan mendengarkan Ceramah Khas Nuzul Al-Qur'an bertajuk 'Al-Qur'an sebagai Petunjuk dan Panduan Hidup yang Lengkap' disampaikan oleh Timbalan Rektor Universiti Brunei Darussalam (UNISSA), Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Acara juga diselenggarakan dengan meraikan kakitangan Kementerian Kesihatan yang baru memeluk agama

Islam iaitu Dayang Nur Qairina binti Haji Tuah dan Dayang Nurameena Zafirah binti Abdullah yang bertugas di Jabatan Perkhidmatan Pergigian dan Hospital RIPAS.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua pengarah, pengarah-pengarah berserta pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan.



MENTERI Kesihatan semasa menerima sumbangan derma bagi DANA Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Tabung Bantuan Amal Pesakit (TBAP) daripada Pengarah Urusan BIBD, Awang Javed Ahmed.

Sambutan Nuzul Al-Qur'an JPM



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN Sabtu, 19 Julai.- Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan di

bawahnya diadakan petang ini di Dewan Bankuet, JPM, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri di JPM,

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Hadir sama ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafirillah bin Haji Ahmed.

Majlis kemudiannya diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Meneroka Ilmu Sains dan Teknologi Menerusi Penghayatan Al-Qur'an Al-Karim' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Dalam ceramahnya, Dr. Abdul Nasir antara lain menyentuh mengenai kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala lebih 1,400



TIMBALAN Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali menyampaikan sumbangan derma Hari Raya Aidilfitri kepada seorang kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berkeperluan.

tahun yang lalu untuk menjadi panduan kepada umat Islam sekalian dalam menuju kesempurnaan iman.

Al-Qur'an juga jelasnya, merupakan sebuah asas dan perpaduan yang di dalamnya terdapat ilmu teknologi dan ilmu sains yang menunjukkan akan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya, itu terbukti kerana terdapat lebih 700 ayat yang mengandungi kebenaran sains dalam

kitab suci ini.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan itu diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma Hari Raya Aidilfitri kepada 39 kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berkeperluan, yang dihasratkan dapat meringankan beban perbelanjaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Program Jalinan Kasih kongsi kebahagiaan bermasyarakat

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Ahad, 20 Julai. - Program Jalinan Kasih 2014 merupakan usaha dan mekanisme Jabatan Belia dan Sukan (JBS) melalui Pusat Belia Bandar Seri Begawan ke arah meningkatkan kesedaran dan keperihatinan para belia, di samping dapat berkongsi kebahagiaan bersama masyarakat yang memerlukan.

Sebanyak 10 buah keluarga telah dipilih menerima agihan barang bantuan keperluan asas menyambut Hari Raya Aidilfitri yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah JBS, Awang Haji Rosmadee bin Haji Md. Daud, yang mengetuai program berkenaan dengan mengunjungi rumah para penerima di sini.

Antara yang menerima bantuan tersebut termasuk Awang Muhammad Azib bin Abdullah Buah, tidak mempunyai pekerjaan tetap dan mempunyai enam orang anak dan Dayang Sufiah binti Mohammad, balu, mereka masing-masing tinggal di

rumah teres, Jalan Keruak, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panaga serta Dayang Adijah binti Abdullah, balu warga emas yang tinggal di Jalan Kompleks Sukan Mumong.

Program aktiviti amal berkenaan turut disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan JBS, ahli jawatankuasa serta lebih kurang 50 belia daripada bekas peserta Program 4D Best, sukarelawan B.Ar.T, ahli Badan Sukarelawan Belia Kebangsaan (SBK), Persatuan CARE, Kelab 4WD JBS dan bekas pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Para belia turut sama mengagihkan barang-barang keperluan asas tersebut dan juga melakukan kerja-kerja kemasyarakatan di kediaman salah seorang penerima, Dayang Adijah di Jalan Kompleks Sukan Mumong.

Program tersebut merupakan salah satu usaha pihak JBS untuk mendedahkan para belia supaya

mempunyai rasa tanggungjawab dan kebersamaan sesama manusia dengan kegiatan-kegiatan yang berkebajikan terhadap masyarakat yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa dan agama.

Selain melakukan aktiviti amal, para peserta dan seluruh ahli jawatankuasa juga mengaplikasikan dan saling berkongsi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni, di samping memberikan pengalaman untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat.

Tujuan utama program bagi menyemai sikap bertanggungjawab dan memberi pengalaman kepada para belia sebagai sebahagian daripada komuniti dan memberi kesedaran dan peluang kepada para belia untuk berinteraksi dan melihat dengan lebih dekat akan keadaan masyarakat setempat.

Program itu juga untuk menyemai kecintaan dan kerinduan kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengamalkan apa jua sunnah baginda dan perintah yang disampaikan



DAYANG Sufiah binti Mohammad berbesar hati menerima agihan barang bantuan disampaikan oleh Pemangku Pengarah JBS, Awang Haji Rosmadee bin Haji Md. Daud.

melalui Baginda Rasulullah. Sementara objektif program termasuk mengadakan bengkel pengurusan projek kasih belia, mengadakan aktiviti kongsi ilmu di kalangan peserta projek dan mengadakan aktiviti mengagihkan barang sumbangan.

Program tidak hanya tertumpu di

bulan Ramadan sahaja malah akan dilaratkan disepanjang tahun ini dengan melibatkan lebih ramai lagi golongan belia bagi sama-sama menanamkan rasa kesedaran dan prihatin serta pemedulian kepada masyarakat yang memerlukan bantuan melalui kerja-kerja amal dan sukarela seumpama ini.

Kementerian Perhubungan terus semarakkan Ramadan

MUKIM KILANAS, Sabtu, 19 Julai. - Seramai 200 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri Majlis Khatam Al-Qur'an dan Bersungkai yang diadakan bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (DRIPAD), Kampung Bebatik Kilanas, di sini, di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutilib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Haji Mohd. Yunos; Ketua Pos Agung, Awang Haji Manan bin Haji Lakim serta ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara terdahulunya dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa dua unit kipas angin dan sebuah mesin pencetak yang disampaikan oleh tetamu kehormat kepada Imam Masjid DRIPAD, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Setelah itu, aturcara diteruskan dengan majlis khatam yang didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat dan seterusnya diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga surah

Al-Lahab yang kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Rattib Al-Attas beramai-ramai.

Majlis juga turut diselenggarakan dengan terbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan.

Majlis bertujuan untuk menyemarakkan lagi suasana di bulan yang mulia ini dengan memperbanyakkan amal ibadah seperti membaca Al-Qur'an, bacaan Rattib, bertahlil dan sebagainya.

Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi di kalangan warga Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar membaca Surah Khatam dalam Majlis Khatam Al-Qur'an Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Penduduk Kampung Putat dirai dalam Majlis Khatam



MAJLIS Khatam Al-Qur'an anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Putat.

PUTAT, Sabtu, 19 Julai. - Ramadan merupakan bulan yang dibukakan rahmat dan nikmat bagi umat Islam dengan meraih sebanyak-banyak peluang dan pahala berlipat ganda dengan melakukan amalan-amalan berkebajikan untuk mengharap keampunan dan redha Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis khatam Al-Qur'an dan iftar beramai-ramai umpamanya yang sudah menjadi kelaziman masyarakat Brunei selain mengharapkan pahala, ia juga secara tidak langsung mengeratkan ukhwah sesama penduduk kampung seperti yang dikendalikan bersama oleh Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Putat yang terkenal dengan Taman Rekreasi Herbanya.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Putat itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Jumat bin Akim yang juga selaku ketua kampung berkenaan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim termasuk sumbangan kepada warga emas dan mereka yang kurang berkemampuan.

Terdahulu, bacaan khatam, takhtim serta doa khatam diketuai oleh Awang Joharnor bin Haji Rungging.

Manakala Awang Md. Salleh bin Haji Abd. Rahman pula memimpin

tahlil berserta doanya.

Majlis diakhiri dengan bersungkai dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Juga hadir, Imam Masjid Kampung Putat, Awang Haji Rungging bin Haji Malik serta penduduk kampung tersebut.

Sebagai rakyat negara ini, kita seharusnya bersyukur dapat meraikan dan melakukan aktiviti berkebajikan ini dengan aman dan sejahtera di bawah lindungan Allah di samping dikurniakan seorang raja yang penuh berwibawa yang berpegang teguh kepada prinsip agama Islam.

PSW anjur Majlis Tadarus, Khatam Al-Qur'an

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai. - Lebih kurang 50 ahli Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) mengadakan Tadarus dan Majlis Khatamal Qur'an diselenggarakan dengan pada 18 Julai lepas tahlil arwah, bacaan doa Allah Peliharakan Sultan dan doa Munajat Negara untuk keselamatan rakyat Islam di Palestin.

Majlis berlangsung di rumah kediaman Yang DiPertua PSW, Pengiran Datin Paduka Pengiran Hajah Hairani binti Pengiran Maharajalela Pengiran Muda Abdul Kahar, di Kampung Jerudong.

Juga hadir pada acara berkenaan ialah Yang DiPertua Majlis Wanita, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat.

Majlis Tadarus dan Khatamal Qur'an itu merupakan acara tahunan PSW pada setiap Ramadan dan akan menjadikannya sebagai amalan dan acara yang berterusan dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir.

PSW Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990.

Sejak penubuhannya 24 tahun yang lalu, persatuan yang mempunyai kira-kira 90 ahli terdiri daripada ahli-ahli profesional ini, telah banyak kali mengendalikan program dan kegiatan kemasyarakatan, akademik dan profesional sesuai dengan matlamat penubuhannya.

PSW yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990 bertujuan untuk menyatukan para siswazah wanita di Negara Brunei Darussalam dan memelihara hubungan profesional dalam kalangan mereka, di samping mewujudkan forum bagi perbincangan perkara-perkara yang berkaitan dengan wanita dalam perkembangan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menyusun dan mengendalikan kegiatan-kegiatan bagi meningkatkan penglibatan para siswazah wanita khususnya dan kaum wanita amnya dalam pembangunan negara.

Tabung Anak Yatim Daerah Tutong terima sumbangan UBD

TUTONG, Jumaat, 18 Julai. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menghulurkan sumbangan derma kepada Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim Daerah Tutong di Bilik Mesyuarat Johan Pahlawan, Jabatan Daerah Tutong pada 17 Julai lepas.

Sumbangan derma tersebut disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Lanjutan UBD, Profesor Madya Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman kepada Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Juga hadir ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam.

Hasil keseluruhan kutipan tabung di daerah ini akan didermakan kepada anak-anak yatim menjelang Hari Raya Aidilfitri 1435 Hijriah nanti.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim yang juga selaku Ketua Kampung Putat menyampaikan sumbangan derma kepada penerima pada Majlis Khatam Al-Qur'an anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Putat.



Program Multaqa Belia Syababul Iman pupuk kerjasama



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Julai. - Program Multaqa Belia Syababul Iman 'Journey Of a Mukmin III' (JOMIII) anjuran Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong bertujuan untuk membekalkan para belia dengan ilmu pengetahuan secara informal sebagai bekal menghadapi cabaran mendatang.

Program sempena cuti persekolahan bulan Ramadan yang diadakan bermula 18 hingga 20 Julai 2014 ini dirasmikan oleh Setiausaha Tetap I Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Md. Yussof.

Selain itu, program yang merupakan inisiatif membangun belia negara ini yang berusia antara 17 hingga 25 tahun adalah juga untuk menerapkan aktiviti yang memangkin kematangan fikiran, kekuatan fizikal dan mental

dan disiplin diri bagi melengkapkan keyakinan diri dan meningkatkan motivasi para peserta.

Ia juga menjadi platform mendedahkan para belia kepada aktiviti yang memupuk sifat kerjasama, tolong-menolong dan sifat kemanusiaan di dalam diri para peserta program yang berjaya diadakan kali ketiga itu.

Program yang bertemakan 'Ramadanku Kini Berbeza' itu bermula dengan Tilawah Al-Qur'an dan terjemahan sebelum diteruskan dengan ucapan pengerusi Kumpulan Syababul Iman Muhammad Izzuddeen.

Tayangan video dan ikrar peserta yang dipimpin Muhd Najib Min Fadhillah Haji Abdul Majid dan diteruskan dengan Doa Selamat pada akhir majlis sebelum majlis terbuka puasa.

Iftar bersama kanak-kanak istimewa

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Jumaat, 18 Julai. - Dalam bulan Ramadan yang penuh berkah ini, barang siapa yang menggembirakan hati anak-anak yatim, orang-orang susah dan tidak berkemampuan serta insan-insan istimewa akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Sehubungan itu, seramai 35 kanak-kanak istimewa dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Cawangan Daerah Belait dan Pusat Bahagia Eric Goh telah diraikan dengan berbagai-bagai hidangan istimewa pada Majlis Iftar di Restoran Makanan Segera Raja Ayam, Bangunan Wisma Yakin, di sini.

Majlis anjuran Agensi Pekerjaan Lim dan Ho dan Restoran Chicken King telah dihadiri Penghulu Mukim Kuala Belait, Awang Haji Pungut bin Ali.

Turut hadir termasuk Pengarah Urusan Agensi Pekerjaan Lim dan Ho dan Pengurus Besar Restoran Makanan Segera Raja Ayam, Lim Thian Ming dan isteri, Pengurus Restoran Chicken King, Dayangku Sufiah binti Pengiran Abd. Razak dan Pengurus Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dayang Hamimah binti Haji Safar.

Majlis dimulakan dengan Majlis Tahlil dan Doa Selamat dan seterusnya berbuka puasa serta penyampaian sumbangan saguhati kepada anak-anak istimewa oleh isteri Lim Thian Ming.

"Harapan kita agar kanak-kanak istimewa tidak ketinggalan dalam sama-sama bergembira di bulan Ramadan ini dan juga bergembira menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri yang tinggal beberapa hari saja lagi akan tiba," ujar Lim Thian Ming.

Sementara itu, Dayang Hamimah merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lim Thian Ming yang tidak jemu-jemu menyumbangkan bantuan kepada pusat berkenaan.



KANAK-KANAK istimewa dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Pusat Bahagia Eric Goh, Daerah Belait menerima sumbangan saguhati.



SESI bergambar ramai bersama kanak-kanak istimewa dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Pusat Bahagia Eric Goh, Daerah Belait.

SETIAUSAHA Tetap I Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Md. Yussof (tiga dari kiri) semasa hadir pada Majlis Program Multaqa Belia Syababul Iman.

UNISSA anjur majlis keagamaan raikan pelajar baru

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal memimpin bacaan Surah Al Faatihah bagi memulakan majlis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Penutup Bertadarus dan Program Ziarah Ramadan sempena Minggu Ta'aruf Pelajar Baru Universiti berkenaan sesi 2014 / 2015.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung pada Masjid Sufri Bolkliah, Kampung Burong Pingai, Berakas ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh tetamu kehormat dan seterusnya bacaan surah-surah lazim.

Majlis Bertadarus UNISSA diadakan setiap hari di Surau UNISSA selepas Solat Fardu Zuhur Berjemaah oleh pegawai dan kakitangan UNISSA mengikut fakulti dan bahagian masing-masing mulai 3 Ramadan 1435H bersamaan dengan 1 Julai lalu.

Acara yang merupakan kegiatan tahunan UNISSA ini bertujuan bagi menyemarakkan bulan Ramadan dengan kegiatan-kegiatan keagamaan yang bermanfaat dan berkebaikan, di samping menggalakkan amalan membaca dan mengkhataamkan Al-Qur'an, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada 15 orang anak-anak yatim Mukim Berakas 'A' hasil kutipan derma sebanyak BND2,184 dan disusuli dengan berbuka puasa.

Aktiviti anjuran Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UNISSA

(MPP PPUNISSA) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar ini juga merupakan antara aktiviti tahunan UNISSA pada setiap Ramadan.

Bagi menjayakan aktiviti ini, MPP PPUNISSA telah menjalankan kerja amal di bulan Ramadan iaitu pengutipan derma bagi anak-anak yatim Kampung Burong Pingai dari kalangan pegawai, kakitangan dan pelajar UNISSA.

Penyampaian derma bertujuan bagi membantu meringankan beban keluarga anak-anak yatim tersebut lebih-lebih lagi dalam persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri serta mengeratkan lagi ukhuwah dan meningkatkan keimanan melalui kutipan derma bagi membantu pihak yang memerlukan, di samping sebagai salah satu usaha MPP PPUNISSA untuk bersama-sama menyumbang idea-idea dan tenaga dengan mengadakan aktiviti ilmiah dan keagamaan.

Sementara itu, Ziarah Ramadan dimulakan dengan Solat Fardu Isyak, Tarawih dan Witir Berjemaah disusuli dengan bacaan tadarus beramai-ramai oleh para pelajar baru.

Manakala Qiamullail dan solat-solat sunat berjemaah diadakan waktu malam selepas rehat dan diteruskan dengan bersahur beramai-ramai serta Kuliah Subuh yang disampaikan oleh salah seorang pelajar UNISSA, Awang Nazirul Mubin bin Haji Ahad.

Program Ziarah Ramadan mula dikenali dengan nama Program 'Minal Jami'ah Ilal Masjid' atau dari Universiti Ke Masjid.

Ia merupakan program tahunan

yang mula dijalankan pada tahun 2009 di mana penumpuan pada ketika itu adalah di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong dan diteruskan lagi pada tahun selepasnya di Masjid Setia Ali dan Masjid RPN Kampung Mentiri pada tahun 2011.

Bermula pada tahun 2012, program ini telah dijadikan sebagai salah satu pengisian di dalam Minggu Ta'aruf ataupun lebih dikenali sebagai Minggu Suai Kenal di mana pada tahun tersebut, program ini dijalankan di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong bersempena dengan Minggu Ta'aruf Pelajar-Pelajar Baru UNISSA Bagi Sesi Pengajian Akademik 2012 / 2013.

Program Ziarah Ramadan ini merupakan salah satu aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan ke masjid-masjid sekitar Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk melatih dan mendedahkan pelajar kepada masyarakat bagi membina kekuatan jati diri, berani dan berkeyakinan menghadapi cabaran di luar universiti serta memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menanam nilai-nilai murni dan disiplin dalam diri pelajar melalui aktiviti yang dijalankan dan sebagai nilai tambah dari pembelajaran akademik untuk menjadi pelajar yang beriman, soleh dan bertakwa, di samping memupuk semangat para pelajar agar cintakan agama dan masyarakat sekeliling serta sebagai salah satu sumbangan UNISSA kepada masyarakat setempat.

JBP sumbangkan derma kepada 61 anak-anak yatim

KAMPUNG MENTIRI, Sabtu, 19 Julai. - Bulan Ramadan adalah merupakan bulan mulia yang penuh dengan keberkatan serta pahala yang berlipat ganda seharusnya dimanfaatkan dengan penuh ketakwaan dengan merebut peluang ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan perkara-perkara yang wajib dan sunat dilakukan mengikut landasan ajaran agama Islam.

Bagi tujuan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) meraikan anak-anak yatim warga JBP dengan Majlis Bersungkai di Balai Bomba Mentiri, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd. Rahman.

Juga hadir ialah Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan; penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan JBP.

Majlis dimulakan dengan tahlil dan doa arwah dibacakan oleh Guru Ugama JBP, Awang Othman bin Asat.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 61 orang anak-anak yatim warga JBP yang diserahkan oleh tetamu kehormat.



PENGARAH Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd. Rahman bergambar ramai bersama 61 anak-anak yatim warga Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) yang diraikan.

Dengan adanya sumbangan yang tersebut dapatlah nanti anak-anak yatim yang berkenaan membuat persiapan serta keperluan untuk sama-sama menyambut dan merasakan kegembiraan Hari Raya sepertimana jua anak-anak lain walaupun tanpa orang yang mereka sayangi.

245 anak yatim Daerah Temburong terima sumbangan derma



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad menyerahkan sumbangan kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong yang diterima oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua**

TEMBURONG, Sabtu, 19 Julai. - Seramai 245 anak yatim di daerah ini menerima sumbangan derma yang diharap dapat meringankan beban perbelanjaan mereka bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba beberapa hari sahaja lagi.

Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim Daerah Temburong Tahun 2014 itu disempurnakan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Sebelum derma tersebut diserahkan kepada anak-anak yatim, bacaan tahlil dan doa selamat juga diadakan dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Zahid Zakwan bin Haji Mohd Said yang juga Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Pada majlis itu, setiap anak yatim menerima BDN60 dari Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong, BND40 dari Tabung Anak Yatim Kebangsaan dan BND50 daripada Bank Islam Brunei Darussalam.

Selain itu, mereka juga menerima sumbangan wang derma daripada beberapa buah syarikat swasta dan orang persendirian.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong dari beberapa buah syarikat swasta dan orang-orang persendirian yang diserahkan kepada Pegawai Daerah Temburong.

Antara yang hadir di majlis itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ajmin bin Haji Meludin selaku Pengerusi Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Temburong Sesi 2013 - 2015.

Dengan adanya sumbangan ini anak-anak yatim berkenaan diharap akan dapat menyimpan sebahagian daripada derma-derma yang diberikan untuk kegunaan di masa akan datang.



PENGARAH Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd. Rahman menyampaikan derma kepada salah seorang anak yatim dari warga JBP.

Anak yatim Daerah Tutong terima sumbangan



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menyerahkan sumbangan derma kepada anak-anak yatim di Daerah Tutong yang turut disertai oleh wakil dari Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Syarikat Sim Kim Huat Trading.

Berita dan Foto: Hernie Suliana binti Haji Othman

TUTONG, Sabtu 19 Julai. - Dalam suasana menyambut ketibaan bulan Syawal, masyarakat di negara ini tidak lupa untuk mengongsi kegembiraan bersama golongan yang kurang bernaib baik terutama anak-anak yatim.

Agama Islam amat mengambil berat kebajikan anak-anak yatim dan adalah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk menghulurkan bantuan bagi meringankan beban dan berkongsi kegembiraan di Aidilfitri.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyampaian Derma bagi seramai 830 anak yatim yang berusia 18 tahun ke

bawah bagi Daerah Tutong diadakan di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Anak-anak yatim berkenaan adalah yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan telah menerima bantuan daripada Tabung Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim Daerah Tutong, Tabung Anak Yatim JAPEM, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Syarikat Sim Kim Huat Trading.

Hadir bagi menyampaikan sumbangan tersebut ialah Pegawai

Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali. Juga menyerahkan sumbangan derma ialah wakil dari JAPEM dan Syarikat Sim Kim Huat Trading.

Derma berkenaan antara lain bertujuan untuk menampung perbelanjaan anak-anak yatim untuk sama-sama merayakan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Muhammad Nur Khairurabi'ee bin Haji Japaruddin, pelajar Tahun 10 Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang juga merupakan seorang pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Tahun 2 manakala tafsir ayat dibacakan oleh Awang Rosli bin Othman dari Jabatan Pengajian Islam.

Majlis diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa arwah yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Telisai, Awang Haji Junaidi bin Haji Sabtu.

Terdahulu dari itu, majlis juga dimuatkannya dengan penyampaian hadiah galakkan kepada 6 orang pelajar terdiri daripada anak-anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Penilaian Sijil Rendah (PSR), Peperiksaan Sekolah Rendah Ugama bagi Daerah Tutong dan juga Peperiksaan GCE 'O' Level tahun 2013 yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Hadir sama dalam majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Mohd Taha bin Raub, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman bin Uking, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para dermawan di Daerah Tutong.

Majlis keagamaan Kementerian Pendidikan sempena Ramadan

Oleh : Saerah Haji Abu Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai. - Majlis Tadarus sempena bulan Ramadan Kementerian Pendidikan berakhir dengan Majlis Penutup Tadarus, Tahlil dan Doa Arwah yang diadakan di kediaman Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, di Kampung Manggis.

Aturcara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Ismail.

Ini disusuli dengan Tadarus Al-Qur'an oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan, Setiausaha Setiausaha Tetap, Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, pengarah-pengarah, penolong-penolong

pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, kakitangan Kementerian Pendidikan dan penuntut-penuntut sekolah termasuk 30 mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Bacaan doa khatam, tahlil dan doa arwah diketuai oleh Pegawai Pelajaran dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohamad dan diteruskan dengan berbuka puasa serta Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Mailis tersebut merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan di mana pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Bahagian Biasiswa dan Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Pendidikan.

Antara tujuan utama majlis ialah bagi menghidupkan bulan Ramadan

dengan memperbanyakkan amal ibadat termasuk bertadarus Al-Qur'an, di samping untuk mendapatkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Rektor UNISSA, Dr.Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Ketua

Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus; pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.



MAJLIS Khatam Al-Quran Kementerian Pendidikan sempena bulan Ramadhan diadakan di rumah kediaman Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis Khatam Al-Qur'an KHEU di Mukim Kiudang



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Qur'an bagi rombongan bertadarus Kementerian Hal Ehwal Ugama di Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Mukim Kiudang.

TUTONG, Sabtu, 19 Julai. - Dalam sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia dan penuh berkat ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengukaykahkan Majlis Bertadarus Al-Qur'an Rombongan Pegawai dan Kakitangan KHEU ke

Seluruh Daerah Sempena Bulan Ramadan Bagi Tahun 1435 Hijriah/2014 Masihi.

Sehubungan itu, rombongan berkenaan berkunjung ke Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Mukim Kiudang, Daerah Tutong, di sini, bagi mengadakan Majlis Khatam

Al-Qur'an.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohiddin

Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap I KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff; Setiausaha Tetap II, KHEU, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Harun bin Haji Junid, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan dari KHEU, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta penduduk-penduduk yang tinggal di sekitarnya.

Majlis Khatam Al-Qur'an dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah diketuai oleh tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan bacaan takhtim, tahlil, bacaan doa khatam Al-Qur'an, doa arwah dan Doa Peliharakan Sultan.

Pada majlis itu juga menyaksikan

penyampaian sumbangan wakaf dari KHEU yang berupa 'Water Jet' dan 'Vacuum Cleaner' serta beberapa buah buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah kepada masjid tersebut yang disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis diakhiri dengan bersungkaikan dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Aktiviti keagamaan tahunan kementerian berkenaan adalah sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid-masjid di negara ini dan dalam sama-sama mendekatkan diri dengan Al-Qur'an serta meningkatkan amal ibadat di bulan Ramadan.

Di samping itu, ianya juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan para jemaah masjid dan penduduk kampung sekitarnya.



YANG Di-Pertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat (dua dari kiri) membaca surah lazim pada Majlis Penutup Tadarus di kediamannya di Kampung Manggis Dua.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai. - Majlis Bertadarus yang diadakan secara bergilir-gilir di rumah ahli-ahli persatuan wanita yang bergabung dengan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) sepanjang bulan Ramadan berakhir petang ini dengan Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Qur'an.

Majlis penutup Tadarus diadakan di kediaman Yang Di-Pertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam

binti Pengiran Haji Matarsat di Kampung Manggis Dua.

Lebih 100 orang ahli daripada 13 persatuan yang bergabung dengan MWNBD menghadiri majlis tersebut terdiri daripada Persatuan PERTIWI, WI, PGGMB, BISTARI, PANDU PUTERI, PKP Belait, BAKTI, PERGANITA, BAKANITA, PERBEKAL, PEWAJA dan Persatuan Nurul Islam serta ahli-ahli Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Manggis.

Semasa berucap pada majlis tersebut, Pengiran Datin Paduka Hajah

Majlis Penutup Tadarus MWNBD

Mariam melahirkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua persatuan yang bergabung dengan MWNBD termasuk ahli-ahli Jawatankuasa yang telah menyelaras majlis-majlis bertadarus secara bergilir-gilir dan ahli-ahli persatuan yang telah menyediakan tempat, menyumbangkan tenaga dan masa serta kewangan bagi sama-sama menyemarakkan lagi suasana di bulan Ramadan yang mulia ini.

Pengiran Datin Paduka yakin bahawa objektif MWNBD menganjurkan Majlis Bertadarus ke rumah-rumah wakil persatuan masing-masing telah tercapai, di samping sama-sama menyemarakkan suasana bulan Ramadan, ahli-ahli Lembaga Tadbir dan ahli-ahli persatuan yang bergabung dengan MWNBD telah dapat menjalin hubungan lebih mesra dan muhibbah dengan kunjung mengunjung untuk bertadarus dan membaca serta bersama menyemak bacaan-bacaan Al-Qur'an.

Bacaan khatam Al-Qur'an beramai-ramai telah diketuai oleh Dayang Siti Huzaimah Yadey binti Haji Rosli dan diikuti dengan bacaan Tahtim dan Doa Khatam dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidi dari PERTIWI.

Sementara itu, bacaan tahlil dan doa pula diketuai oleh Pengiran Hajah

Halijah binti Pengiran Haji Damit dari PERBEKAL manakala doa selamat dan doa peliharakan Sultan dipimpin oleh Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Bakar.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang dipersembahkan oleh ahli-ahli Persatuan BAKANITA.

Pada majlis tersebut, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam turut menyempurnakan penyampaian cenderamata sumbangan daripada MWNBD kepada Dayang Siti Huzaimah Yadey yang merupakan pemenang tempat ketiga Musabaqah Tilawatil Qur'an Peringkat

Antarabangsa 1435H/2014M di Malaysia baru-baru ini.

Majlis diselajurkan dengan berbuka puasa dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pengiran Hajah Halijah binti Pengiran Haji Damit.

Aktiviti bertadarus ini merupakan acara tahunan di bulan Ramadan bagi ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam untuk menyemarakkan lagi suasana di bulan ini, mendekatkan diri dengan Al-Qur'an dan meningkatkan hubungan silaturahim di antara semua ahli persatuan yang bergabung dengan MWNBD.



ANTARA ahli-ahli persatuan wanita yang bergabung di bawah MWNBD hadir di Majlis Penutup Tadarus di kediaman Yang Di-Pertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Majlis Khatam Al-Qur'an MPK Kiudang dan BASKIM

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Othman

KIUDANG, Jumaat, 18 Julai. - Majlis-majlis bertadarus ke rumah-rumah yang diadakan di sepanjang bulan Ramadan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang dengan kerjasama Badan Kebajikan Saudara-Saudara Baru Kampung Kiudang / Mungkom (BASKIM) berakhir dengan Majlis Khatam Al-Qur'an petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan isteri.

Majlis yang diadakan di kediaman Penasihat MPK dan BASKIM, Awang Haji Umarali bin Esong itu dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan khatam beramai-ramai oleh ahli-ahli MPK Kiudang dan BASKIM, belia-belua dan saudara-saudara baru.

Bacaan tahtim dan tahlil pula dipimpin oleh ahli-ahli kumpulan BASKIM, sementara doa khatam dibacakan oleh peserta khatam, Awang Wafiuddin bin Haji Saifulbahri dan doa tahlil pula dipimpin oleh Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kampung Kiudang, Awang Haji Noorazaleneta bin Haji Ratu.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban oleh ahli-ahli kumpulan

BASKIM dan seterusnya upacara merenjis minyak wangi oleh tetamu kehormat kepada para peserta khatam.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian derma kepada 11 orang anak yatim yang bermastautin di Kampung Kiudang sebelum acara terbuka puasa.

Setiausaha BASKIM, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali dalam temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI menjelaskan tahun ini, majlis-majlis bertadarus telah diadakan di 13 buah rumah ahli-ahli MPK dan BASKIM serta beberapa rumah penduduk kampung.

Menurutnya, Program Bertadarus ke rumah-rumah itu telah mula dilaksanakan sejak tahun 2005 di mana aktiviti tersebut telah banyak meninggalkan kesan di sepanjang pengendaliannya terutama sekali dalam membimbing saudara-saudara baru memahami serta mendalami kehidupan beragama yang lebih sempurna.

Program Bertadarus ke rumah ini jelasnya akan terus dilaksanakan pada setiap tahun di bulan Ramadan melalui format pengendalian yang sensasi mengikut aliran masa dan penyerapan Program Bertadarus Belia-Belia



PEGAWAI Daerah Tutong Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali bersama ahli-ahli MPK Kiudang dan BASKIM dalam Majlis Khatam Al-Qur'an pada majlis tersebut.

Kampung Kiudang yang merupakan antara aktiviti bersama bagi menyemarakkan bulan Ramadan ini.

Menurutnya, BASKIM yang ditubuhkan sejak 2005 kini mempunyai seramai 135 orang ahli

terdiri daripada saudara-saudara baru yang kebanyakannya datang dari Kampung Kiudang dan juga dari kampung-kampung berhampiran.

Bagi pihak BASKIM, beliau mengucapkan penghargaan kepada

pihak kerajaan terutamanya Pusat Da'wah Islamiah atas bantuan yang dihulurkan kepada BASKIM terutamanya dari segi prasarana dan kemudahan membaca Al-Qur'an serta bantuan-bantuan lain.

Majlis Khatam Al-Qur'an Guru Ugama Brunei III



GURU-GURU ugama yang mewakili dari 16 buah sekolah ugama hadir pada Majlis Khatam Al-Qur'an Sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Bagi Guru-Guru Ugama Kawasan Brunei III.

Berita dan Foto : Ihsan Haji Mohammad Jaya bin Haji Metussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Julai. - Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama (JKPSSU) Kawasan Brunei III, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Majlis Khatam Al Qur'an Sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Bagi Guru-Guru Ugama Kawasan Brunei III.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Sekolah Ugama Beribi Kawasan Brunei III di sini ialah Ketua Bahagian Kenaziran, JPI, Ustaz Haji Hasbi bin Haji Mohammad Suhaily; Pegawai Pengajian Islam Kawasan Brunei III, Ustaz Mohammad Zamery bin Haji Nayan; Pegawai Pengajian Islam Kawasan Brunei II A, Awang Ahsanol

Azmi bin Haji Serbini dan Pegawai Pengajian Islam Kawasan Brunei IV, Pengiran Razak bin Pengiran Haji Mohd. Tahir.

Majlis dihadiri oleh seramai 350 orang guru ugama yang mewakili dari 16 buah sekolah ugama.

Pengerusi JKPSSU Kawasan Brunei III, Awang Aliuddin bin Haji Awang Damit berkata, Majlis Khatam Al-Qur'an ini merupakan projek tahunan JKPSSU dengan objektifnya untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara guru-guru di dalam majlis tadarus yang telah dijalankan di sekolah masing-masing.

Pada masa yang sama, majlis juga jelasnya dihasratkan untuk memeriahkan suasana Ramadan yang setentunya disemarakkan dengan bacaan Al-Qur'an.

Beliau seterusnya berharap Program Tadarus menerusi Program Murattal di sekolah-sekolah akan dapat terus bertahan ke arah mempertingkatkan mutu bacaan guru-guru sekali gus menaani dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Muslimah Masjid Daerah Belait semarakkan Ramadan

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

BELAIT, Sabtu, 19 Julai. - Pejabat Hal Ehwal Masjid (PHEM) Daerah Belait dengan kerjasama Muslimah-Muslimah Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Liang, Belait telah mengadakan Majlis Bertadarus dan Khatamal Qur'an bagi Muslimah-Muslimah Masjid-Masjid Daerah Belait bagi tahun 1435H/2014M bagi menyemarakkan lagi keberkatan bulan Ramadan yang mubarak ini.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu khormat, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin, wakil Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah Jabatan Hal Ehwal Masjid dan majlis diteruskan dengan bacaan surah-surah yang dikhatamkan mulai surah Adh Dhuha hingga An-Naas dan diikuti dengan bacaan takhtim dan tahlil dan doa khatam.

Majlis bertadarus dan khatamal Qur'an tersebut telah melibatkan lebih dari 158 orang muslimah dari tujuh buah masjid, Masjid Muhammad Jamalul Alam Kuala Belait, Masjid Pekan Seria, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Pandan, Masjid STKRJ Lorong 3 Seria, Masjid Zainab dan Masjid Sungai Liang.

Ia bertujuan bagi menghidupkan bulan Ramadan dengan majlis-majlis keagamaan seperti bertadarus, selain dapat mengeratkan lagi hubungan ukhuwah serta silaturahim di kalangan muslimah-muslimah masjid di Daerah Belait.

Acara keagamaan itu juga diteruskan dengan penyampaian sijil kepada Dayang Ernie Nurhazwanie binti Haji Buang yang telah menamatkan Program Latihan Industri di PHEM Daerah Belait yang bermula sejak 2 Jun lalu.



MAJLIS Bertadarus dan Khatamal Qur'an bagi Muslimah-Muslimah Masjid-Masjid Daerah Belait Bagi Tahun 1435H / 2014M.

TAP adakan Majlis Khatam Al-Qur'an

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



MAJLIS Khatam Al-Qur'an dan Tahlil diadakan di Surau Kementerian Kewangan yang dihadiri oleh Ahli-Ahli Lembaga, Pegawai dan Kakitangan Tabung Amanah Pekerja.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an dan Bertahlil sempena dengan bulan Ramadan yang mubarak bagi tahun 1435 Hijriah bertempat di Surau Kementerian Kewangan.

Antara yang hadir di majlis tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan para pegawai serta kakitangan TAP.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah-surah khatam dan diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa arwah yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Pulaie, Awang Haji Burhanuddin bin Haji Damit.

Acara juga diteruskan dengan majlis terbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis merupakan aktiviti tahunan sempena bulan Ramadan yang dikendalikan oleh Badan Kebajikan dan Sukan TAP (BKSTAP).

Program Meniti Sinar Ramadan berkunjung ke Masjid Kampung Penanjong

Berita dan Foto :
Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Isnin, 14 Julai. - Aktiviti keagamaan terus dianjurkan oleh pelbagai pihak di negara ini bagi menyemarakkan bulan Ramadan Al-Mubarak.

Program Meniti Sinar Ramadan 1435 Hijriah meneruskan kegiatan di Daerah Tutong dengan berkunjung ke Masjid Kampung Penanjong, Tutong.

Program yang mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kira-kira 300 pendaftaran menyertai program di Daerah Tutong itu terdiri daripada golongan pesara, warga emas dan juga belia. Turut serta dalam program berkenaan ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Program yang dianjurkan oleh Biro Wanita, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba dihasratkan untuk meningkatkan penyertaan dan kesedaran orang ramai termasuk golongan belia mengenai keistimewaan mengadakan kegiatan keagamaan sepanjang bulan Ramadan.

Menurut Pengerusi Biro Wanita MPK Kawasan 2, RPN Rimba, Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis semasa ditemu bual wakil PELITA BRUNEI menjelaskan bahawa program itu pada asalnya dihasratkan untuk melibatkan pendudukan Kawasan 2, RPN Rimba dengan sasaran awal sebanyak 3,500

orang peserta tetapi telah mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan di mana bukan sahaja telah mendapat sumbangan derma sebanyak 3,500 naskah Al-Qur'an tetapi telah melebihi jumlah itu hasil sumbangan daripada penderma-penderma persendirian.

Beliau menerangkan bahawa lebih dari 10 ribu naskah Al-Qur'an telah diagih-agihkan kepada beberapa institusi dan masjid-masjid di keempat-empat daerah termasuk juga 7 ribu tahtim dan 2 ribu rehal turut diagih-agihkan oleh pihak sukarelawan.

Menurut beliau lagi, idea bagi mengadakan program itu lahir daripada kegiatan yang diadakan di luar negara termasuk semasa kunjungan ke Kelantan di mana kegiatan keagamaan diadakan setiap hari di sepanjang bulan Ramadan.

Penutup bagi program itu akan diadakan pada 24 Julai nanti di Jame' 'Asr Hassanil Bolkih pada kira-kira pukul 12 tengah hari di mana orang ramai yang berminat adalah dialu-alukan untuk bersama-sama menghadiri majlis berkenaan yang akan menyaksikan penyertaan daripada peserta program dan juga sukarelawan.

Program yang diadakan di Masjid Kampung Penanjong itu juga menyaksikan penyampaian ceramah bertajuk 'Bersama Meraih Syurga

Ramadan' oleh Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Azmin Yusuf.

PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali turut menyertai Program Meniti Sinar Ramadan 1435 Hijriah.



Kekalkan membaca Al-Qur'an untuk mendapat ketenangan

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



DAYANG Hajah Asmah binti Haji Tengah, Pengetua Sekolah Menengah PJNPBAB, Kuala Belait bersama Timbalan Pengetua, Rabinah Uja.

BELAIT, Khamis, 17 Julai. - Dalam sama-sama mengambil keberkatan serta pahala yang dijanjikan oleh Allah di bulan Ramadan, Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (SMPJNPBAB) telah mengadakan aktiviti dan projek keagamaan dengan mengadakan pertandingan berbentuk keislaman selain bertadurus antara guru-guru dan pelajar-pelajar.

Pertandingan tersebut ialah Laungan Azan Subuh, Hafazan Ayat-ayat lazim Al-Qur'an, Syarahan dan Nasyid telah diadakan di Ruang Ligar sekolah berkenaan, di sini.

Sebelum ini, sekolah berkenaan juga telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an yang diteruskan

dengan penyampaian derma dan sumbangan kepada golongan susah miftahunajah dan anak-anak yatim.

Di sempena hari mulia dan penuh keberkatan ini, Pengetua Sekolah, Dayang Hajah Asmah binti Haji Tengah menasihati agar para pelajar serta guru-guru sama-sama mengambil kesempatan untuk sentiasa mengingati Allah dengan sentiasa membuat amalan dengan mengekalkan membaca Al-Qur'an untuk mendapat ketenangan (sakinah) dan untuk bekalan diri untuk di akhirat nanti kerana banyak fadilatnya, di samping mengerjakan rukun Islam sembahyang fardu dan berpuasa.

Beliau seterusnya melahirkan rasa bangga dengan kecenderungan dan

usahasama guru-guru, ahli-ahli jawatan kuasa dan pelajar-pelajar yang sangat bersepadu walaupun memerlukan banyak kerja-kerja tambahan, banyak pemikiran, penggalakkan dan permesyuaratan ianya melahirkan mutu kerja berpasukan yang mantap kerana dalam waktu persekolahan yang singkat di bulan Ramadan, aktiviti-aktiviti yang berteraskan akademik dan keislaman mampu diungkapkan dengan sebaik-baiknya.

Pertandingan seumpama ini dihasratkan akan menghasilkan pelajar-pelajar yang bertanggungjawab, berani, bersikap pemeduliaan, berkesungguhan dengan memiliki pencapaian holistik serta mempunyai nilai-nilai pelajar yang berkualiti tinggi.

Menyertai pertandingan itu ialah pelajar-pelajar yang berani menahut cabaran positif dan perlu dicontohi oleh semua pelajar-pelajar di sekolah kerana sikap begitu yang diperlukan untuk lebih menaik-tarakan nama bangsa dan negara yang berteraskan Melayu Islam Beraja.

Sementara itu, Guru Penyelaras, Awang Haji Mohd. Ghazali bin Haji Ja'afar selaku guru pemimpin para peserta pertandingan menyatakan, pertandingan tersebut sengaja diadakan di hari terakhir penutup persekolahan untuk menggalakkan penyertaan pelajar daripada bercuti terlebih awal kerana dengan mengikuti aktiviti yang berkebajikan sudah pasti akan mendapat ilmu yang bermanfaat dan juga hadiah-hadiah yang menggalakkan.



PROGRAM Meniti Sinar Ramadan 1435 Hijriah meneruskan kegiatan di Daerah Tutong dengan berkunjung ke Masjid Kampung Penanjong, Tutong.

KDB Darussalam, KDB Darulaman berjaya di RIMPAC

HAWAII, Isnin, 14 Julai. - KDB Darussalam dan KDB Darulaman, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) telah membuktikan keupayaan melawan dengan menembak sistem peluru berpandu buat kali pertama.

Kedua kapal kelas peronda itu telah berjaya menjalankan latihan Exocet mm40 blok ii penembakan permukaan ke permukaan peluru berpandu di kemudahan peluru berpandu Pasifik (PMRF), 80 batu nautika utara Pulau Kauai'i.

Melalui Siaran Akhbar Kementerian Pertahanan ke Pelita Brunei bahawa Kapal-kapal TLDB itu menyertai Rim Latihan Multinasional Pertama di Pasifik (RIMPAC) yang dianjurkan oleh 'fleet' ketiga Amerika Syarikat di Hawaii selama sebulan.

KDB Darussalam dan KDB Darulaman mengambil bahagian dalam latihan 'Sink' (SINKEX) dengan negara-negara lain yang mengambil bahagian melepaskan peluru berpandu permukaan Exocet di sekitar 0920w (waktu tempatan 0320h).

Kedua-dua peluru berpandu telah dilancarkan dengan jayanya ke arah sasaran yang dimaksudkan pada masa yang sama pada jarak kira-kira 40 batu nautika.

Tembakkan taktikal adalah bertujuan untuk mencapai keupayaan operasi penuh kapal kelas rondaan KDB Darussalam, setelah selesai penglibatan peluru berpandu, kedua-dua kapal kembali ke Pearl Harbor untuk mengisi minyak sebelum menyertai latihan fasa laut

seterusnya dengan pasukan petugas 175 pada 18 Julai lalu.

Pegawai dan anak-anak kapal telah bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memenuhi semua keperluan serta memastikan kapal itu kekal pada negeri tertinggi penyelenggaraan, mereka telah membuktikan diri mereka boleh berurusan dengan evolusi itu dan dengan melengkapkan latihan itu KDB Darussalam dan KDB Darulaman menambah pencapaian lain yang ketara dalam keupayaan operasinya dan menandakan satu lagi pencapaian penting bagi TLDB.

Selain daripada mencapai keupayaan operasi, meningkatkan kepercayaan dan keyakinan di kalangan tentera laut dunia, membina

keupayaan juga telah dicapai.

Membina keupayaan membuktikan untuk menjadi dogma yang sesuai dalam menghalang dan menentang untuk sebarang cabaran maritime.

Kawasan keselamatan seperti RIMPAC 2014 memang memperuntukkan peluang dan TLDB pasti mendapat manfaat daripada pengalaman dan acara penting itu.

Menyaksikan latihan tembakan peluru hidup berpandu ialah Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, diiringi oleh Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd Tamit.

Latihan RIMPAC masih diteruskan dan akan berakhir pada 30 Julai ini, kedua-dua kapal TLDB dijadual berlepas ke Hawaii pada 4 Ogos nanti untuk belayar kembali ke Negara Brunei Darussalam.

Di kesempatan itu, satu majlis pengagihan kurma yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan juga telah diadakan untuk pegawai-pegawai dan anggota-anggota kedua buah kapal.

Pengagihan kurma telah disampaikan oleh Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd Tamit.

Tidak mahu membayar zakat membawa padah

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ZAKAT itu terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama ialah zakat badan iaitu zakat fitrah dan yang kedua ialah zakat harta seperti zakat emas dan perak, binatang dan tanam-tanaman.

Ia dinamakan zakat kerana harta itu tumbuh dan berkembang dengan keberkatan disebabkan mengeluarkan zakat dan doa orang yang menerima zakat. Zakat itu juga menyucikan dosa orang yang mengeluarkan zakat dan ketika zakat itu menjadi saksi di akhirat, ia memuji-muji kebenaran iman orang yang mengeluarkan zakat.

Mengeluarkan zakat hukumnya wajib ke atas setiap muslim yang mencukupi syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat, sama ada zakat fitrah ataupun zakat harta.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Tafsirnya: "Dan kamu dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat."

(Surah al-Baqarah: 110)

Orang yang mengingkari ketetapan hukum wajib zakat itu boleh menyebabkan terkeluar daripada agama Islam. Sementara orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat pula adalah berdosa besar dan diperangi mereka serta dikutip zakat mereka secara paksa sebagaimana yang dilakukan oleh Sayyidina Abu Bakr Radhiallahu 'anhu.


Akibat dan balasan orang yang tidak mahu membayar zakat

Orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat akan menerima balasan yang amat pedih di akhirat kelak. Akibat atau balasan bagi mereka itu ada disebutkan dalam al-Qur'an dan hadits Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, antaranya:

1. Dikalung atau dililit ular pada hari kiamat.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Tafsirnya: "Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kurnia kemurahanNya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan kepunyaan Allah jualah segala warisan (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."



(Surah Ali 'Imran: 180)

Maksud "mereka akan dikalungkan" dalam ayat di atas ialah mereka akan dililit oleh seekor ular, sebagaimana dalam hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: "Sesiapa yang dikurniakan harta oleh Allah namun dia tidak mengeluarkan zakatnya, nescaya pada Hari Kiamat nanti diumpamakan hartanya itu seekor ular gondol yang mempunyai dua taring yang akan melitinya. Kemudian ular tersebut akan mengambilnya (orang yang tidak mengeluarkan zakat itu) dengan dua tulang rahangnya lalu ia berkata: "Aku adalah hartamu, aku adalah harta simpananmu." Kemudian Baginda membaca ayat: (وَلَا يَخْسِرَنَّ النَّيْلُ يَبْخُلُونَ...)

(Hadits riwayat al-Bukhari)

2. Dahi, rusuk dan belakang diseterika dengan emas dan perak yang dibakar pada hari kiamat.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Tafsirnya: "(iaitu) pada hari dibakar emas dan perak serta harta-benda itu dalam Neraka Jahannam, lalu diseterika (dibakar) dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang kamu telah simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasakanlah (balasan azab daripada) apa yang kamu simpan (dengan tidak mengeluarkan zakatnya) itu."

(Surah at-Taubah: 35)

Hal ini juga dijelaskan dalam hadits yang

diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: "Tidak seorang pun daripada pemilik emas dan perak yang tidak menunaikan hak hartanya itu melainkan pada hari kiamat diratakan baginya lempengan-lempengan daripada api. Lempengan-lempengan itu dibakar dalam neraka jahannam, lalu rusuk, dahi dan belakangnya akan diseterika dengan (lempengan-lempengan) itu. Setiap kali lempengan itu menjadi sejuk maka ia akan dipanaskan kembali. Demikianlah berterusan sepanjang hari yang lamanya 50 ribu tahun sehingga selesai Allah memberi hukuman di antara hamba-hambaNya. Lalu diperlihatkan jalannya sama ada ke syurga ataupun ke neraka..."

(Hadits riwayat Muslim)

3. Dipijak, ditanduk dan digigit oleh binatang pada hari kiamat.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, iaitu sambungan daripada hadits di atas, setelah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menjelaskan perihal pengabaian hak emas dan perak, Baginda ditanya lagi mengenai unta, lembu dan kambing. Baginda bersabda:

Maksudnya: "Dan tidak seorang pun pemilik unta yang tidak menunaikan hak untanya itu dan antara haknya ialah susunya pada waktu keluarnya melainkan pada hari kiamat dibiarkan unta-unta itu sebanyaknya di padang yang luas dan tidak berkurangan walaupun seekor memijak-mijak pemiliknya dengan tapak kakinya dan menggigit-gigitnya dengan mulutnya. Setiap kali unta yang pertama melaluinya maka unta yang lain akan kembali. Demikianlah berterusan sepanjang hari yang lamanya 50 ribu tahun sehingga selesai Allah memberi hukuman di antara hamba-hambaNya. Lalu diperlihatkan jalannya sama ada ke syurga ataupun ke neraka."

Baginda ditanya lagi: "Wahai Rasulullah! Bagaimana dengan lembu dan kambing?"

Baginda menjawab: "Dan tidak seorang pun pemilik lembu dan kambing yang tidak menunaikan hak lembu dan kambingnya itu melainkan pada hari kiamat dibiarkan lembu dan kambing itu sebanyaknya di padang yang luas dan tidak berkurangan walaupun seekor, dan tidak ada yang bengkok tanduknya, dan tidak ada yang tidak bertanduk, dan tidak ada yang pecah tanduknya. (Lembu dan kambing itu) menanduk-nanduk pemiliknya dengan tanduknya dan memijak-mijaknya dengan tapak kakinya. Setiap kali lembu dan kambing yang pertama melaluinya maka lembu dan kambing yang lain akan kembali. Demikianlah

berterusan sepanjang hari yang lamanya 50 ribu tahun sehingga selesai Allah memberi hukuman di antara hamba-hambaNya. Lalu diperlihatkan jalannya sama ada ke syurga ataupun ke neraka..."

(Hadits riwayat Muslim)

Imam an-Nawawi Rahimahullah menjelaskan bahawa hadits di atas adalah dalil bagi wajibnya zakat unta, lembu dan kambing.

4. Dilaknat oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam.

Diriwayatkan oleh 'Ali Radhiallahu 'anhu, beliau berkata:

Maksudnya: "Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam melaknat sepuluh golongan (iaitu:) pemakan riba, pemberi makan riba, pencatit riba, kedua saksi riba, pengambil upah cina buta dan suami yang mengupah cina buta, orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat, pembuat tatu dan orang yang minta ditatu."

(Hadits riwayat Ahmad)

Kesalahan dalam Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013

Orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat adalah juga menjadi satu kesalahan di Negara Brunei Darussalam. Sebagaimana disebutkan dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, bahagian IV, penggal IV, kesalahan-kesalahan am, bab 236, seperti berikut:

236. (1) Mana-mana orang Islam yang setelah ditaksirkan dengan sah sebagai wajib untuk membayar zakat atau fitrah di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) dan gagal untuk memperolehi secara rayuan atau selainnya, pembatalan atau pengubahsuaian bagi penaksiran demikian, dengan sengaja gagal untuk membayar zakat atau fitrah tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Oleh yang demikian, apabila syarat-syarat wajib zakat sudah mencukupi, hendaklah kita mengeluarkannya. Janganlah kita kikir atau kedekut mengorbankan sedikit harta untuk berzakat sedangkan mengeluarkan zakat itu membawa keberkatan pada harta kita. Ingatlah bahawa orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat itu bukan sahaja mendapat hukuman di dunia bahkan juga akibatnya akan menerima balasan yang amat berat di akhirat kelak.

Allahu A'lam

Al-Qur'an memberi syafaat

PADA masa ini kita masih berada di dalam bulan Ramadhan, bulan yang penuh berkah dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang dilimpahkan kepada seluruh hambaNya yang beriman dan bertakwa kepadanya. Pada bulan ini jugalah Allah Subhanahu Wata'ala telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an sebagai kitab yang terakhir sekali diturunkan di muka bumi ini dan merupakan mukjizat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Al-Qur'an merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala berperanan utama untuk mendidik, memberi nasihat, teguran, bimbingan dan ada juga yang berbentuk tegahan dan amaran. Ia juga menyeru umat Islam ke arah kesepaduan dan kesepakatan untuk mencapai keharmonian hidup sesama makhlukNya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah al-A'raaf ayat 52 yang tafsirnya:

"Dan demi sesungguhnya Kami telah mendatangkan kepada mereka sebuah kitab (al-Qur'an) yang Kami telah menjelaskannya satu persatu atas dasar pengetahuan (Kami) untuk menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman."

Allah Subhanahu Wata'ala telah menurunkan al-Qur'an dalam jangka waktu yang panjang dan secara beransur-ansur, ini memberikan ruang

kepada umat Islam untuk menghayati secara perlahan-lahan akan maksud isi Al-Qur'an yang sebenar, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Israa' ayat 106 yang tafsirnya:

Dan Al-Qur'an itu kami turunkan dengan beransur-ansur supaya engkau membacaknya kepada manusia dengan perlahan-lahan dan Kami menurunkannya secara berperingkat-peringkat.

Orang yang membiasakan dirinya dengan membaca Al-Qur'an semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan diberikan kemuliaan dan kedudukan yang sangat tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping itu kemuliaan yang dikurniakan kepada orang yang membaca Al-Qur'an itu turut melimpah kepada kedua ibu bapa mereka. Sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Aisyah Radhiallahu 'anha berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Orang yang mahir membaca al-Qur'an kedudukannya bersama-sama dengan Malaikat al-Kiram al-Bararah, dan yang membaca al-Qur'an dengan keadaan lidahnya tidak fasih dan susah baginya menyebut (pada hal dia ingin juga membaca al-Qur'an) maka baginya dua pahala."

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh

Imam Abu Daud, daripada Sahal bin Mu'adz daripada bapanya, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Barangsiapa yang membaca Al-Qur'an dan mengamalkan apa yang dibacanya itu maka akan dianugerahkan kedua ibu bapanya sebuah mahkota pada hari kiamat yang cahayanya lebih baik daripada cahaya matahari yang menyinari rumah-rumah di dunia, maka apakah pendapat kamu mengenai orang yang mengamalkannya (tentulah lebih baik daripada itu)."

Orang-orang yang suka berkumpul bagi mempelajari al-Qur'an di masjid-masjid seperti pada bulan Ramadhan selepas sembahyang, maka bagi mereka itu Allah Subhanahu Wata'ala turunkan rahmat dan keredhaanNya kepada mereka, seperti hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abi Hurairah bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Tiada berhimpun suatu kaum di dalam salah sebuah rumah Allah (masjid) membaca al-Qur'an dan mempelajarinya sesama mereka melainkan diturunkan ke atas mereka ketenteraman dan mereka semuanya diliputi oleh rahmat Allah dan dikelilingi oleh para malaikat dan Allah sentiasa menyebut mereka di dalam golongan orang-orang yang ada di sisiNya."

Seseorang yang tidak diisi hatinya dan dadanya



dengan ayat-ayat Al-Qur'an sama ada tidak membaca atau mengamalkannya adalah diibaratkan seperti sebuah rumah yang buruk dan usang. Perkara ini dijelaskan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Ibnu Abbas Radhiallahu 'anhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya orang yang tidak ada apa-apa di dalam hatinya sedikit pun daripada al-Qur'an adalah umpama sebuah rumah buruk yang binasa (tidak berhias)."

Dengan memperingati turunnya Al-Qur'an ini marilah kita amalkan isi dari ajaran Al-Qur'an, terutama pada masa ini di bulan yang penuh berkah banyakkannya membaca Al-Qur'an di samping menghayati akan isi pengajarannya. Sesungguhnya kita akan mengalami kerugian dan menyesal sekali bila dalam hidup ini jauh atau bahkan meninggalkan ajaran Al-Qur'an. Berbahagialah orang-orang yang dalam hidupnya ini selalu bersama al-Qur'an, maka Allah Subhanahu Wata'ala pasti melindunginya.

SELEPAS lebih dua minggu menunaikan ibadah puasa, umat Islam kini mulai sibuk membuat persiapan menyambut ketibaan 1 Syawal yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Kesibukan kaum wanita khususnya dalam menyediakan keperluan dari pelbagai segi untuk persediaan Hari Raya telah dibuat dua minggu sebelum raya, antaranya para wanita sibuk menyediakan pakaian dan aksesori yang baru untuk dirinya dan keluarganya agar kelihatan lebih menarik di pagi Hari Raya Aidilfitri nanti.

Ketika ditemui wakil PELITA BRUNEI, Dayang Suryaty binti Haji Paun, menjelaskan seperti tahun-tahun sebelumnya, keutamaan perbelanjaan adalah untuk anak-anak yang mana pakaian mereka mestilah baru. Namun tambahnya, pakaian yang masih boleh digunakan dipakai balik dan yang barang-barang rosak seperti lampu cucul, tabir diganti baru dan cat dinding rumah juga diperbaharui.

Menyentuh tentang perbelanjaan pula jelasnya, yang pastinya lebih dari BND1,000 bagi membeli baju raya untuk sekeluarga termasuk pakaian, kasut, tudung, sinjang dan kasut dua pasang seorang. Beberapa barang juga sudah awal dibeli sebelum puasa kerana barang yang dijual berharga murah. Selain itu kek dan biskut, duit raya dan persiapan untuk rumah terbuka juga diperuntukkan untuk perbelanjaan hari raya.

“Pada masa ini kerja rumah dibagi-bagi, suami membersihkan rumah, membuka tabir, melap-lap lampu dan menukar lampu *bulb* cucul yang rosak, sementara saya dan anak-anak perempuan membuat kuih raya. Kerja-kerja juga dilakukan pada waktu malam kerana pagi berpuasa dan hanya membuat kerja-kerja ringan selain itu, sibuk menyediakan juadah persungkaan,” tambahnya lagi.

Bagi Dayang Amela Ayu Ashikin binti Haji Osman, pula persediaan hari raya bersederhana sahaja dan seperti tahun sebelumnya, barang-barang diperbelanjakan untuk pakaian hari raya dan kuih muih untuk dihidangkan.

Tambahnya, pada minggu-minggu terakhir puasa ini, beliau dan sekeluarga sudah mula sibuk mengemas dan membersihkan rumah dan serba sedikit membuat kuih yang dihasilkan sendiri.

Sementara itu, bagi Dayang Hajah Ezrena binti Haji Metali pula,

persediaan untuk hari raya pada tahun ini juga bersederhana sahaja iaitu bagi dirinya baju raya yang ditempah akan siap pada malam pukul nanti dan anak-anak semua sudah tersedia termasuk baju dan kasut.

“Peruntukan perbelanjaan kira-kira BND1,000 ke bawah untuk membeli kek-kek raya dan minuman untuk dihidangkan, baju raya dan keperluan anak-anak dan duit raya untuk diberikan kepada anak-anak dan juga kepada orang-orang tua. Kuih-muih ada yang sudah dibuat dan InsyaaAllah akan membuat lagi yang *simple* dan disukai dan digemari kanak-kanak,” ujarnya lagi.

Seminggu sebelum tiba hari raya katanya, baru mula menghias dalaman rumah dan pada masa ini anak-anak sudah sibuk menolong memasang lampu cucul baru. Kerja-kerja mengemas rumah yang dibantu oleh anak-anak tambahannya, akan dilaksanakan selepas solat tarawikh dan kalau ada masa terluang akan dibuat semasa menunggu bersungkai. Paling iski membantu menghias ialah anak yang pertama.

Manakala bagi Dayangku Mas Siti Rasifah Adyani binti Pengiran Haji Sabtu, pula persiapan hari raya pada tahun ini dibuat dengan bersederhana sahaja dan perbelanjaan cuma diperuntukkan sebanyak BND1,000 lebih untuk membeli kuih-muih, baju raya dua pasang bagi setiap seorang untuk saya, suami dan tiga orang anak lelakinya. Katanya, tahun ini tidak banyak perbelanjaan untuk membeli barangan rumah kerana barang yang ada masih kelihatan baru dan juga untuk mengelak dari berbelanja berlebihan. Selain itu jelasnya, pada bulan hadapan juga, beliau dan keluarga membuat persiapan bagi menyambut kelahiran anak yang keempat.

“Pada masa ini saya dan keluarga sudah sibuk mengemas rumah seperti membersihkan ruang tamu, membuka langsir untuk di cuci, membersihkan segala lampu-lampu dan kipas angin dan juga mengupah orang untuk membersihkan penghawa dingin,” jelasnya lagi.

Bagi Dayang Hajah Nony Norliayan binti Haji Janudin, persiapan hari raya tahun ini disambut secara sederhana dan melebihi kepada keperluan anak-anak sahaja memandangkan merekalah yang memeriahkan suasana Aidilfitri nanti.

Perbelanjaan pula jelasnya, sama seperti tahun-tahun sebelum ini iaitu mengikut keperluan sahaja seperti



DAYANGKU Mas Siti Rasifah Adyani Bte Pengiran Haji Sabtu(kiri) tidak banyak berbelanja kerana barang yang ada masih kelihatan baru dan juga untuk mengelak dari berbelanja berlebihan. Dayang Hajah Ezrena bte Haji Metali(kanan) memperuntukan perbelanjaan kira-kira BND 1000 ke bawah untuk membeli kek-kek raya dan minuman untuk dihidangkan, baju raya dan keperluan anak-anak dan duit raya untuk diberikan kepada anak-anak dan juga kepada orang-orang tua.



Persediaan menjelang Hari Raya

Rencana dan Foto : Haniza Abdul Latif

baju raya untuk anak-anak, sedikit kuih-muih untuk menjamu tetamu yang akan berkunjung dan duit saku untuk kanak-kanak.

“Minggu terakhir Ramadan merupakan hari yang sibuk bagi keluarga saya mengemas rumah memandangkan semua anak-anak berkumpul setelah cuti sekolah bermula. Mengenai kuih-muih pula, kami hanya membeli hidangan yang telah siap ditempah, mudah dan jimat masa. Mengemas rumah selalunya akan dilakukan setelah selesai sembahyang terawih untuk mengelak anak-anak dari keletihan dan rasa

dahaga jika dilakukan pada siang hari,” tambahnya lagi.

Dalam keterujaan dan kesibukan menyediakan kelengkapan raya ini, secara tidak langsung membuatkan wanita begitu sinonim untuk gemar berbelanja, untuk itu hendaklah berhemat dan bijak berbelanja, sentiasa mengikut keperluan yang hanya diperlukan sahaja, bukannya keinginan yang melampau sehingga boleh membebaskan diri sendiri, agar Syawal tahun ini penuh bermakna untuk kita semua.




KERJA-KERJA mengecat rumah merupakan salah satu aktiviti yang giat dijalankan sebelum menjelangnya Hari Raya.



DAYANG Suryaty bte Haji Paun (atas) mengutamakan perbelanjaan untuk anak-anak. Dayang Hajah Nony Norliayan binti Haji Janudin (kanan) berkata minggu terakhir Ramadan merupakan hari yang sibuk bagi keluarganya mengemas rumah memandangkan semua anak-anak berkumpul setelah cuti sekolah bermula.

ANAK-ANAK juga sibuk membantu ibu bapa dalam menghias dan membersihkan rumah sebelum tibanya Hari Raya Aidilfitri (kiri).



Kegembiraan bertukar menjadi duka

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

MASIN, Rabu, 16 Julai. - Siapa menyangka dan menduga kegembiraan sebuah keluarga yang baru sahaja mendapat rumah untuk berteduh dan berhasrat meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini bertukar menjadi muram dan hampa.

Musibah tersebut menimpa keluarga Awang Roslan bin Haji Kalong, 44, dan keluarganya yang baru berpindah ke rumah sewa kerajaan tersebut lebih kurang empat bulan lalu yang hangus terbakar lewat petang itu.

“Tiada apa yang sempat diselamatkan, semua harta benda kami habis dijilat api hanya pakaian di badan saja yang tinggal,” ujarnya ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Semasa kejadian itu, mereka tidak ada di rumah kerana beliau bertugas, sementara isterinya, Dayang Suriani binti Haji Momin, 40, bersama anak perempuan mereka berumur lima tahun menghadiri majlis kenduri di Kampung Junjongan.

Sejurus selepas waktu berbuka puasa, Awang Roslan

menerima panggilan telefon daripada isterinya yang menyatakan rumah mereka terbakar dan beliau bergegas pulang dan mendapati rumah mereka sudah dijilat api.

Mereka tidak menjangkakan perkara pahit itu terjadi kerana sebelum berlakunya tragedi itu Awang Roslan menceritakan beliau melihat rumah yang didiaminya berkeadaan elok seperti biasa.

Beliau yang bertugas sebagai Buruh di Masjid Kampung Kilanas serta keluarganya pasrah atas ujian yang menimpa mereka dan berharap ada pihak berkepentingan membantu mereka terutama untuk menyambut Hari Raya yang bakal tiba nanti.

“Buat sementara ini kami sekeluarga terpaksa tinggal di rumah orang tua isteri saya di Kampung Junjongan,” katanya yang masih menunggu permohonan perumahan yang beliau pohonkan.

Kecekapan anggota bomba Cawangan Operasi 'F' dari Balai Bomba Pengkalan Batu diketuai oleh Timbalan Pmerintah cawangan berkenaan, Penolong Penguasa Bomba Awang Haji Nordin bin Haji Buntan berjaya mengawal dan memadamkan api yang membakar rumah kembar kayu setingkat itu dalam masa empat minit.

Sejurus panggilan kecemasan diterima pada pukul 6.55 petang itu, tiga buah



AWANG Roslan bin Haji Kalong, 44 bersama keluarga, mangsa kebakaran rumah di Kampung Masin.

jentera bomba dengan 10 anggota dikerahkan ke tempat kejadian. Punca sebenar dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.

PDB berkas 1,046 karton rokok pelbagai jenis



ROKOK pelbagai jenis yang cuba diseludup ke negara ini dan telah berjaya diberkas oleh anggota Pasukan Simpanan Kompeni C di Simpang 1580, Kampung Junjongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah berjaya membuat tangkapan ke atas penyeludupan rokok semasa rondaan yang dikendalikan oleh anggota

Pasukan Simpanan Kompeni 'C' di Simpang 1580, Kampung Junjongan.

Pada rondaan yang dikendalikan kira-kira 5.15 petang itu, pasukan berkenaan telah ternampak sebuah kereta

Berita dan Foto :
Ihsan
Pasukan Polis
Diraja Brunei

yang mencurigakan dipenuhi dengan kotak.

Dalam serbuan berkenaan, seorang lelaki warga tempatan berumur 42 tahun telah ditahan dan mendapati sebanyak 1,046 karton rokok pelbagai jenis cuba untuk diseludup ke negara ini.

Tertuduh telah ditahan untuk soal siasat dan bahan bukti akan diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

PDB mengingatkan orang ramai supaya tidak melibatkan diri dengan sebarang aktiviti penyeludupan dan menyeru agar melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan di sempadan negara dengan menghubungi talian kecemasan 993 dan mana-mana balai polis yang berdekatan.



KETUA operasi sedang meneliti cop-cop yang ada di dalam passport perempuan asing yang tertangkap.

Ops Kikis JIPK tangkap sembilan pesalah imigresen

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Julai. - Operasi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah berjaya menangkap seramai sembilan orang warganegara asing, lima orang darinya adalah perempuan.

Mereka telah pun dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang mengandungi pas Imigresen yang masih sah.

Manakala itu, satu keping pas khas telah pun dikeluarkan kepada seorang warga asing, manakala kad pengenalan sementara ditahan dan dua keping surat panggilan telah pun dikeluarkan kepada dua orang majikan bagi membantu siasatan.

Menurut Siaran Akhbar JIPK semasa pemeriksaan di Mukim Kilanas dan Sengkurong, seorang perempuan warganegara asing yang tinggal menyewa sebuah bilik di tingkat bawah di Mukim Kilanas, pegawai yang bertugas mendapati cop melawat (yang diberikan semasa berurusan Pos Kawalan Imigresen) di dalam passport perempuan terbabit didapati telah pun mansuh selama 958 hari di dalam simpanannya.

Perempuan terbabit telah pun dibawa ke pejabat dan diambil keterangan dan dihadapkan dan didakwa di mahkamah atas kesalahan tinggal lebih masa di negara ini dan telah dijatuhkan hukuman lapan bulan penjara.

Dalam pada itu disasarkan serbuan ke atas bilik-bilik sewa seorang perempuan warganegara asing bersama tiga orang anak telah pun dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang setelah gagal menunjukkan sebarang dokumen yang masih sah kepada pegawai yang bertugas, manakala seorang lelaki dipercayai suaminya berjaya melarikan diri, siasatan masih dijalankan.

Di sasaran ketiga, sebuah rumah dua tingkat yang berasingan didiami oleh warganegara asing di Mukim Kilanas, dua orang lelaki warganegara asing dibawa ke pejabat bagi siasatan lanjut setelah keduanya gagal menunjukkan sebarang dokumen yang mengandungi pas imigresen yang masih sah.

Manakala itu disasarkan keempat, serbuan mengejut juga dilakukan ke atas bilik pekerja di salah sebuah bengkel membuat perabot salah sebuah syarikat tempatan di Mukim Sengkurong mendapati seorang perempuan warganegara asing sedang tidur di dalam sebuah bilik pekerja, manakala pintu dikunci dari luar oleh teman lakinya seolah-olah tidak ada penghuni di dalam keduanya telah pun dibawa ke Bahagian Penguatkuasa bagi tapisan lanjut.

Dan siasatan lanjut mendapati passport perempuan terbabit ada di dalam simpanan pihak imigresen berhubung dengan kes yang masih dalam siasatan di Bahagian Penguatkuasa.

Jika sabit kesalahan akan dikenakan tindakan kompaun dan diusir dari negara ini dan disenaraihitamkan.

PDB jumpai 10 gelen minyak untuk diseludup

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Julai. - Anggota Pasukan Simpanan Kompeni 'C' (Reserved Unit 'C' Company), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) berhasil menjumpai 10 gelen minyak semasa membuat rondaan di

kawasan berhampiran Simpang 1580, Kampung Junjongan.

Semasa rondaan kira-kira 11.25 pagi oleh enam anggota Pasukan Simpanan bermula dari kawasan ladang padi Simpang 1580, Kampung Junjongan itu, mereka telah

menjumpai 10 gelen minyak yang dipercayai berisi minyak jenis diesel di kawasan kira-kira 100 meter dari sempadan Malaysia.

Balai Polis Limau Manis telah dihubungi bagi membantu siasatan dan 10 gelen minyak tersebut dibawa ke Balai Polis Limau Manis untuk siasatan lanjut.

Modus Operandi kegiatan haram tersebut dipercayai orang tempatan akan menyediakan gelen yang berisi minyak tersebut dan diletakkan di tempat berkenaan, manakala orang dari negara jiran akan mengambil gelen minyak tersebut dari tempat berkenaan.

PDB menasihatkan orang awam supaya jangan terlibat dengan sebarang aktiviti penyeludupan dan meminta mereka untuk melaporkan ke talian kecemasan 993 dan balai polis yang berdekatan jika melihat sebarang aktiviti yang mencurigakan di sempadan negara.



SEPULUH gelen minyak yang ditemui oleh anggota Pasukan Simpanan Kompeni C (Reserved Unit 'C' Company), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) semasa membuat rondaan di kawasan berhampiran Simpang 1580, Kampung Junjongan.

Sumbangan derma, peralatan perubatan ke rumah pesakit

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Julai. - Kementerian Kesihatan bukan sahaja bertanggungjawab dalam merawat pesakit di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan malah juga berusaha membantu dan meninjau lebih dekat lagi keadaan pesakit-pesakit terutamanya mereka yang memerlukan bantuan melalui kunjungan ke rumah-rumah pesakit itu sendiri.

Dengan kunjungan ke rumah-rumah pesakit, ia dapat memberi pendedahan khususnya kepada para profesional kesihatan bukan sahaja tentang keadaan diri pesakit malah juga dapat melihat keadaan persekitaran tempat kediaman pesakit itu sendiri agar dapat diberikan bantuan yang diperlukan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menjelaskan, perkara tersebut dalam temu bual bersama wakil media semasa mengetuai rombongan

Kementerian Kesihatan bagi penyampaian sumbangan derma dan peralatan perubatan ke rumah-rumah pesakit di kawasan Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Menurut Yang Berhormat, pesakit-pesakit ini telah dikenal pasti oleh Bahagian Kebajikan Perubatan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), dan pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan bukan sahaja dari aspek material tetapi juga melihat keadaan rumah mereka, jika perlu diperbaiki akan diberikan bantuan yang diperlukan agar mereka ini mendapat kediaman yang lebih selesa.

Di samping itu jelasnya, pihaknya juga akan memberikan bantuan seperti katil, kerusi roda serta perkakas-perkakas yang diperlukan oleh pesakit terutama bagi yang kurang berupaya.

Rombongan Kementerian Kesihatan dengan usaha bersepadu Persatuan Perubatan Brunei (Brunei Medical Association), Persatuan Jururawat Brunei Darussalam (PENJURU),

Brunei Darussalam Association of Medical Laboratory Scientists (BAMLS) dan ahli-ahli Allied Health Professionals sekali lagi mengadakan kunjungan ke rumah-rumah pesakit untuk menyampaikan sumbangan derma dan peralatan perubatan bagi bulan Ramadan tahun ini.

Pagi tadi, seramai 13 buah keluarga iaitu 10 keluarga di DBM, dua di Daerah Tutong dan sebuah keluarga di Daerah Belait menerima sumbangan derma dan peralatan perubatan termasuk alat perubatan seperti 'Ripple Mattress dan Suction Machine' kepada pesakit-pesakit yang memerlukan.

Penerima-penerima adalah terdiri daripada pesakit-pesakit di bawah jagaan Bahagian Kebajikan Perubatan Hospital RIPAS daripada golongan keluarga yang kurang berkemampuan dari segi sosioekonomi.

Rombongan telah dibahagikan kepada empat kumpulan di mana Kumpulan A diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi kunjungan empat buah rumah di kawasan Kampung Limau Manis, Tanjung Nangka dan Kampung Bebatik Kilanas, sementara Kumpulan B pula diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni bagi tiga buah rumah di kawasan Menunggol dan Kampung Bolkih B.

Rombongan C yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md Said pula berkunjung ke tiga buah rumah di kawasan Limau Manis, Kampung Sengkurong 'A' dan Kampung Bengkurong Masin, manakala Rombongan D pula adalah bagi tiga buah rumah di kawasan Kampung Sungai Teraban, Kampung Telisai dan Kampung Danau Tutong dan diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan

Kewangan), Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd Jaafar.

Turut serta dalam rombongan tersebut ialah ketua-ketua pengarah, pengarah-pengarah, Pakar / Doktor-Doktor (Persatuan Perubatan Brunei - BMA), pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan, pegawai dan kakitangan hospital dan kejururawatan (PENJURU).

Program merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Kebajikan perubatan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di bulan Ramadhan bagi mengadakan aktiviti-aktiviti yang berkebajikan demi kesejahteraan pesakit-pesakit serta keluarga di bawah tanggungan bahagian tersebut.

Keprihatinan serta sumbangan yang dihulurkan akan dapat membantu mereka yang sangat-sangat memerlukan dengan rasa penuh kesyukuran yang tidak ternilai.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof semasa ditemu bual oleh wartawan PELITA BRUNEI.

HALUAN

Hayati asas-asas kewibawaan sebagai etika kerja

Dari muka 2

Justeru itu, dalam Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam iaitu Wawasan Brunei 2035 di bawah Strategi Pembangunan Institusi, sasaran kerajaan ialah untuk memastikan dan mengekalkan tahap tadbir urus yang tinggi dalam sektor kerajaan dan swasta. Antara haluan dasar bagi strategi ini menekankan perlunya untuk membina Perkhidmatan Awam yang moden dan berkesan yang mendukung pembangunan negara dan memastikan keberkesanan dasar, peraturan dan tadbir urus kerajaan bagi menyampaikan perkhidmatan yang cepat dan berkualiti tinggi, telus, efisien dan sentiasa mengurangkan *red tape*.

Melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan dan Pegawai-Pegawai Kanan dengan Kerjasama Institut Kepimpinan Inovasi dan Kemajuan ILIA, Universiti Brunei Darussalam diadakan untuk meningkatkan kefahaman para pegawai tentang kepimpinan, pengurusan, perjalanan organisasi, kelemahan dan kekuatan semasa sektor awam. Program ini juga adalah diharapkan untuk menggilap kualiti pemimpin sektor awam dan siap siaga dengan pegawai-pegawai kanan yang berwibawa, berintegriti, berakhlak dan layak dihormati.

Institut Perkhidmatan Awam (IPA) memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran mengenai impak negatif jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa ke atas Perkhidmatan Awam, antara lain, melalui kursus-kursus seperti pengurusan integriti.

Ini dikuatkan lagi dengan ketelusan sasaran perkhidmatan pemedulian di dalam bentuk Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), supaya orang awam mengetahui sama ada perkhidmatan yang diberikan menepati sasaran atau sebaliknya. prinsip ketelusan ini penting untuk menjadikan penjawat-penjawat awam lebih *responsive* dan akauntabil.

Di bidang integriti kewangan, kerajaan menubuhkan Audit Dalam di setiap kementerian dan jabatan kerajaan. Ini adalah penting bukan saja bagi membantu kementerian dan jabatan dalam mengurus hal ehwal kewangan dan harta benda kerajaan tetapi juga mencegah dan mengawal kejadian-kejadian pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan dan pembaziran.

Penubuhan Bahagian Perancangan dan Perkembangan Integriti di Biro Mencegah Rasuah adalah wajar di dalam usaha untuk meningkatkan integriti. Bahagian ini sentiasa meneruskan usaha-usaha pencegahan seperti memberikan taklimat dan ceramah kepada semua sektor mengenai integriti dan pencegahan rasuah di Negara Brunei Darussalam. Kesemua ini bertujuan untuk melahirkan satu masyarakat, bangsa dan negara yang berintegriti, memiliki sifat-sifat jujur dan amanah serta bersih dan bebas daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Pada kesempatan ini, saya ingin menekankan kepada semua warga Perkhidmatan Awam bahawa penerapan integriti ke dalam Perkhidmatan Awam adalah tanggungjawab kita bersama di semua peringkat.

Apa yang kita perlukan ialah untuk mengangkat penerapan integriti ke dalam Perkhidmatan Awam sebagai agenda kebangsaan di mana pemantauan dan penanganannya dibuat melalui mekanisma dan institusi yang formal.

Dalam mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Hajah Sutinah binti Sutan, Timbalan Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana berkesudian untuk menyampaikan taklimat khas di seminar ini.

Seterusnya saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri, Biro Mencegah Rasuah dan IPA di atas usaha yang strategik ini. Saya percaya seminar ini akan dapat memberikan sumbangan kepada usaha untuk mengukuhkan tahap integriti dalam Perkhidmatan Awam.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



DESTINASI pertama rombongan Yang Berhormat Menteri Kesihatan ialah di rumah kediaman pesakit yang terletak di Kampung Limau Manis, Kuala Lurah.

5 keluarga mangsa kebakaran terima sumbangan YSHHB

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumat, 18 Julai.- Salah satu tujuan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (YSHHB) dalam bidang kebajikan ialah memberikan pemedulian dan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah kebakaran rumah dan lain-lain.

Bantuan tersebut dilaksanakan secara berterusan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

YSHHB memberikan sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND4,800 kepada lima buah keluarga terdiri daripada 16 ahli keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah baru-baru ini di Kampung Terunjing dan Kampung Masin.

Hadir menyampaikan sumbangan derma tersebut ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail, berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang, di sini.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diikuti dengan penyampaian sumbangan derma.

Para menerima sumbangan tersebut ialah Dayang Juriana binti Jali, Dayang Ratna binti Jali dan Dayang Rohana binti Jali dari Kampung Terunjing.

Sementara itu, penerima (ketua keluarga) mangsa kebakaran di Kampung Masin pula ialah Awang Roslan bin Haji Kalong dan Awang Kassim Mohd Ibrahim Jainul Abidin.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (YSHHB), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menyampaikan sumbangan kepada ketua keluarga mangsa kebakaran di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang.

YSHHB merupakan wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat, di samping

menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Keprihatinan YSHHB dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan khususnya dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik dan sangat memerlukan selaras dengan dasar penubuhannya.



IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A) DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT) AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 23 JULAI 2014. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 06 OGOS 2014 BILANGAN IKLAN:31/07/14 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.

1. AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA B.2 EB.3 (\$2,270- \$4,240 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Biological Science / Crop Protection* atau bidang berkaitan dengan pengkhususan di bidang Bakteriologi atau Virologi tumbuhan.
- Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja diagnostik dan penyelidikan di dalam kawasan tropika, terutama sekali mengenai penanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan dan/atau mempunyai pengkhususan dalam bidang Virologi atau Bakteriologi adalah keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN:

- Mengendalikan kerja-kerja diagnostik yang berkaitan dengan penyakit tanaman, terutama yang disebabkan oleh bakteria dan virus.
- Mengendali kajian/penyelidikan ke atas kawalan penyakit tanaman terutama yang disebabkan oleh bakteria dan virus.
- Memberi khidmat nasihat kepada pengusaha mengenai kawalan penyakit tanaman yang disebabkan oleh bakteria dan virus.
- Merancang dan mengendalikan penubuhan dan operasi bidang virologi dan bakteriologi di dalam Unit Kaji Penyakit Tumbuhan.
- Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dan menjalankan kegiatan pentadbiran Unit Kaji Penyakit Tumbuhan serta memberi latihan kepada kakitangan dan orang ramai mengenai kawalan penyakit tumbuhan.
- Memberi khidmat nasihat dan kepakaran mengenai kawalan penyakit tanaman, terutama yang disebabkan oleh bakteria dan virus dan memberi bimbingan atau kursus-kursus kepada Pegawai-Pegawai Rendah.
- Menjalankan tugas-tugas diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.

2. KETUA JURUTEKNIK UKUR JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Ukur Tanah / Pemetaan / Geomatik / *Geographic Information System* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- Sedang berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruteknik Ukur Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggungaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggungaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.
- Mempunyai pengalaman yang luas dan terbukti dalam salah satu bidang kerja-kerja Ukur Tanah / Geomatik adalah kelebihan.
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pentadbiran dan pengurusan maklumat tanah adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA JURUTEKNIK UKUR:

- Membantu Juruukur dalam bidang-bidang kerja teknikal yang berhubungkait dengan bidang Ukur Tanah dan Geomatik.
- Membantu Ketua Unit Ukur Geomatik atau Pemetaan Informatik.
- Membantu Juruukur dalam memastikan tugas atau projek yang dirancang dilaksanakan.
- Memeriksa peralatan di unit-unit masing-masing berfungsi dan menepati spesifikasi.
- Memeriksa ketepatan kerja-kerja Pengukuran Ukur Geomatik dan Pemetaan Informatik.
- Menyelia dan menyemak perjalanan kerja-kerja mengikut prosedur Sistem Pengurusan Berkualiti (ISO 9001).
- Bertanggungjawab dalam pembahagian kerja-kerja ukur kepada kakitangan bawahan.
- Bertanggungjawab sebagai penyelar sumber tenaga kerja bawahan.
- Membimbing dalam mendorong kakitangan bawahan dalam pencapaian hasil kerja yang optima dan memantau kemajuan kerja setiap individu.
- Membuat penilaian kemahiran kakitangan bawahan dalam kerja teknikal masing-masing.
- Ahli Jawatankuasa Kecil '*Quality Control Circle*' bagi Sistem Pengurusan berkualiti (ISO 9001) di Jabatan ini.
- Tugas-tugas yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.

3. PEMERIKSA BURUH KANAN JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI C.3 EB.4 (\$1,990 - \$2,620 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Labour Studies / Business Studies* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- Sedang berkhidmat di Jabatan Buruh sebagai Pemeriksa Buruh dalam tanggungaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggungaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.
- Pemohon-pemohon yang mempunyai kefahaman yang baik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta dan peraturan Buruh, Kanun Jenayah (*Penal Code*), Kanun peraturan Jenayah (C.P.C) dan lain-lain peraturan yang ada kaitannya dengan tugas-tugas Jabatan Buruh adalah kelebihan.
- Berkebolehan menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMERIKSA BURUH KANAN:

- Membantu Penolong Pesuruhjaya Buruh dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan Lesen Pengambilan Pekerja Asing, Penguatkuasaan Undang-Undang di samping membantu Pesuruhjaya Buruh dan Timbalan Pesuruhjaya Buruh dalam urusan Pentadbiran dan apa-apa jua perkara yang berkaitan dengan Jabatan Buruh.
- Membantu Penolong Pesuruhjaya Buruh dalam menyelia dan melicinkan perjalanan bahagian di mana ianya ditempatkan atau di mana-mana Cawangan Jabatan Buruh.
- Menyelesaikan masalah dengan baik menggunakan pertimbangan yang sewajarnya berpandukan kepada Peraturan dan Undang-Undang yang dikawal oleh Jabatan bagi perkara-perkara dasar dan perhubungan serta pengambilan pekerja asing, penguatkuasaan Undang-Undang dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan tugas di Jabatan Buruh.
- Pemeriksa Buruh Kanan mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana tempat/cawangan di Negara ini dan pada bila-bila masa diperlukan.

4. KERANI PERKAPALAN JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN D.3-4 EB.5-6 (\$900 - \$1,785 SEBULAN) KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani serta lulus Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah atau jawatan bersesuaian

- dalam tanggungaji D.2/D.1 tidak kurang dari 4 tahun.
- Berumur di antara 20 tahun hingga 40 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KERANI PERKAPALAN:

- Melayan dan memproses permohonan-permohonan bagi melesen kapal dan bagi mendapat pelepasan pelabuhan.
- Menerima dan memproses laporan-laporan ketibaan kapal-kapal.
- Menyediakan tuntutan-tuntutan yuran-yuran dan cukai-cukai.

5. PENTERJEMAH JABATAN KERAJAAN D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN) ATAU D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggungaji D.2/D.1 tidak kurang dari 4 tahun.
- Calon yang mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam bidang penterjemahan termasuk mempunyai pengetahuan membaca dan menulis jawi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENTERJEMAH:

- Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian dan Ketua Cawangan.
- Membuat kerja-kerja terjemahan yang diutuskan oleh Ketua Bahagian atau Ketua Cawangan.
- Melaksanakan kerja-kerja yang ada kaitan dengan penerbit buku.
- Mendokumentasikan artikel / majalah / akhbar sebagai salah satu tugas tambahan.
- Menyumbangkan penulisan *creative* atau *non-creative* untuk majalah / jurnal terbitan Jabatan.
- Lain-lain tugas yang diutuskan oleh Ketua Bahagian atau Ketua Cawangan dari semasa ke semasa.
- Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

6. PENOLONG KERANI SULIT JABATAN-JABATAN KERAJAAN D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang *Secretarial Studies* yang dikeluarkan oleh Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.

ATAU

- 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah keutamaan.
- Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepantasan 80 p.s.m dan Sijil Menaip dengan kepantasan 40 p.s.m atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.

ATAU

- 1 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.
- Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam Bahagian IV tidak kurang dari 3 tahun.
- Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepantasan 80 p.s.m dan Sijil Menaip dengan kepantasan 40 p.s.m atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.
- Boleh mencatat trengkas dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG KERANI SULIT:

- Urusetia dalam tugas-tugas kerahsiaan dalam perlaksanaan dokumen/ persuratan dan fail bertaraf 'sulit' (termasuk penyediaan dan penyimpan persuratan, dokumen dan fail).
- Menerima persuratan bertaraf sulit/terhad/rahsia dan mengklasifikasikan tindakan seterusnya menurut taraf tertentu.
- Mengatur/menyusun jadual mesyuarat dan perjumpaan bagi pihak Ketua.

Dari muka 14

7. KERANI PERANGKAAAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perangkaan atau pernah mengambil bahagian dalam projek-projek perangkaan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KERANI PERANGKAAAN:

DI JABATAN BURUH

1. Mengira dan menjumlahkan catatan perangkaan Bahagian / Unit, Jabatan Buruh yang dijalankan setiap hari dan bulan untuk menyediakan laporan perangkaan bulanan keseluruhan Jabatan Buruh terutama Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Tenaga Pekerja Asing, Bahagian Piawai Perburuhan dan Agensi Pekerjaan dan Bahagian Pusat Pekerjaan termasuk tiga (3) Cawangan Jabatan Buruh.
2. Menyediakan jadual-jadual jumlah perangkaan bulanan keseluruhan Jabatan Buruh.
3. Mengemaskinikan 'data entry' maklumat mengenai majikan yang diberikan kebenaran surat / lesen untuk mengambil dan menggaji kakitangan / pekerja asing ke dalam pengkalan data 'Filemaker-pro' dan 'Excel'.
4. Menyediakan dan membantu Penolong Pegawai Perangkaan merancang persediaan awal bagi pelaksanaan Banci Tahunan Majikan/Pekerja, Jabatan Buruh.
5. Menyediakan dan mengedarkan surat maklumat kepada semua majikan yang diberikan kebenaran di negara ini pada setiap awal bulan September.
6. Mengedarkan Borang Banci di kaunter kepada majikan atau wakil pada setiap awal bulan Oktober.
7. Menerima dan meneliti setiap Borang Banci yang dikembalikan pada setiap awal bulan November.
8. Mengagihkan semua Borang Banci yang telah diterima mengikut rujukan jenis kumpulan industri (PJB) dan susunan bilangan secara berlari (*running number*) pada setiap bulan Disember.
9. Mencatat kod jawatan masing-masing secara 'manual' setiap jawatan yang dilaporkan di setiap Borang Banci dan menyediakan data sementara jumlah pekerja (asing dan tempatan) mengikut industri, jantina dan taraf penduduk pada setiap awal bulan Februari.
10. Lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pesuruhjaya Buruh atau Timbalan Pesuruhjaya Buruh dari semasa ke semasa.

8. KERANI KEWANGAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN=6

KELAYAKAN MINIMUM:

1. 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Matematik / Simpan Kira / Ekonomi / Perdagangan (*Commerce*) / 'Principle of Accounts'.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KERANI KEWANGAN:

1. Memproses dan menaip kerja-kerja pejabat seperti persuratan, *book keeping*, pinjaman, baksis, gaji, bonus, percukaian, tambang, pembayaran, pertanyaan audit pendaftaran, *dailing*, *despatching* dan lain-lain hal mengikut Peraturan Kewangan dan lain-lain peraturan.
2. Bertanggungjawab terus kepada Penolong Pegawai Kewangan Tingkat II.
3. Tugas-tugas adalah mengikut arahan pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1 HINGGA 9:

**KAUNTER PERMOHONAN TINGKAT 2
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961 / 2380455 / 2381337 sambungan 588 & 574 (BHG. PENGAMBILAN)
TEL NO: 2381961 sambungan 585 (BHG. IKLAN)**

9. JURUTAYANG / PEMANDU PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.
ATAU
b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
3. Hendaklah tahu membaca Al-Quran, membaca dan menulis Jawi dengan baik.
4. Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan mempunyai lesen memandu Kelas 5 adalah kelebihan, dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu.
5. Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam mengendalikan peralatan-peralatan elektronik yang diperlukan bagi kegiatan-kegiatan dakwah dan majlis-majlis pengislaman adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTAYANG / PEMANDU:

1. Mengendalikan peralatan-peralatan elektronik bagi kegiatan-kegiatan dakwah dan majlis-majlis keagamaan.
2. Menjadi pemandu bagi kenderaan Pusat Da'wah Islamiah atau Bahagian Dakwah dan Tabligh daerah tempat bertugas untuk apa jua kegiatan dan kerja yang diarahkan.
3. Terlibat dalam kegiatan-kegiatan dakwah dan kebajikan saudara-saudara baru di kawasan pendalaman.
4. Menerima dan melaksanakan arahan dari semasa ke semasa dari pihak atasan.

PEMBERITAHUAN:

1. **Penggunaan Borang SPA/1 & SPA/2**
a **Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2.**
b. **Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 atau SPA/2 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.**
c. **Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang**

SPA/1 atau SPA/2 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.

d. **Borang SPA/1 hanya perlu diisi dengan lengkap sekali sahaja iaitu bagi pemohon yang pertama kali memohon jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Permohonan kali kedua dan seterusnya hendaklah menggunakan borang SPA/2.**
e. Borang SPA/1 dan SPA/2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama- sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**

f. **Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 dan SPA/2 untuk pengesahan.**

g. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan borang SPA/1 atau SPA/2, sila hubungi kaunter Bahagian Pengambilan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di nombor talian **2381961** sambungan **588 & 574.**

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).

3. Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- a. **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- b. **Rekod Perkhidmatan** yang lengkap.

4. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.

5. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut.**

6. Permohonan yang diterima lewat daripada **06 OGOS 2014 tidak dilayan.**

7. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;

- Menelefon 2381961 Sambungan 585 (Bahagian Iklan);
- Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>

8. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-

- Pejabat Daerah Belait;
- Pejabat Daerah Temburong.
- Pejabat Daerah Tutong;
- Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

PUSAT PROMOSI DAN PEMASARAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN: KPSU/MPC/LTK/2014-2015 (1)

**TAJUK TAWARAN:
DESIGNING, CONSTRUCTION,
FURNISHING AND DISMANTLING OF BRUNEI DARUSSALAM "CITY OF CHARM" PAVILION AT THE 11TH CHINA-ASEAN EXPO, NANNING INTERNATIONAL CONVENTION CENTER, NANING GUANGXI, CHINA, 16th - 19th SEPTEMBER 2014
YURAN TAWARAN: \$10.00 (tidak dikembalikan)**

TARIKH TUTUP TAWARAN: SELASA, 5 OGOS 2014 JAM 2.00 PETANG

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman dari segi rekaan dalaman dan pembinaan booth atau pavilion

di pameran-pameran perdagangan dan pelancongan dalam dan luar negeri bagi projek tersebut di atas. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi

**LembagaTawaran Kecil
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di **Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan** seperti yang dinyatakan di dalam setiap tawaran tersebut.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pusat Promosi dan Pemasaran, Aras Bawah, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran Asal yang telah disediakan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG - PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM KELAS II, DI
BAWAH KATEGORI:**

1,3,4h, 5b & 2, 4a (kod lama), KA01
& B01 (kod baru) SAHAJA

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA:**
29 Julai 2014 (SELASA)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG
HARI SELASA, 12 OGOS 2014.

BIL: JKR/DOD/6/2014

**MENGUBAHSUAI MESS PEGAWAI,
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
DAN DEWAN BANQUET -
RENOVATION TO EXISTING GYM &
SPA YANG SEDIA ADA**

NO. PROJEK:
JKR/DOD/BPP/VOTE: 930-007

JUMLAH YURAN TAWARAN:
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG - PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM KELAS II, III, IV
& V SAHAJA DIBAWAH KATEGORI:**
E01 SAHAJA

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA:**
5 OGOS 2014

TARIKH TUTUP : 19 OGOS 2014

BIL: JKR/DME/20/BPB/2014

KERJA-KERJA PENGANTIAN

**DAN MENAIKTARAF SISTEM
PENCEGAHAN KEBAKARAN DI
BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI -
MAHKAMAH BESAR**

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG - PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM KELAS II, III, IV
& V SAHAJA DIBAWAH KATEGORI:**
E01 SAHAJA

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA:**
5 OGOS 2014

TARIKH TUTUP : 19 OGOS 2014

BIL: JKR/DME/21/BPB/2014

**MEMBESARKAN BANGUNAN IBU
PEJABAT PELABUHAN - KERJA-KER-
JA ELEKTRIKAL (NOMINATED
SUB-CONTRACT) - RETENDER**

NO. PROJEK: BPB/EP 182

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG - PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM 'KELAS:**
II & III

KATEGORI: B01/4a (bangunan) SAHAJA

TARIKH AKHIR MENGAMBIL

DOKUMEN TAWARAN:

HARI SELASA, 5 OGOS 2014

TARIKH TUTUP :

HARI SELASA, 19 OGOS 2014,

BILANGAN:
JKR/DBSKB 016/2014

**TAJUK PROJEK: MENGGANTI BARU
ATAP UNTUK 5 BLOK BAREK-BAREK
KERAJAAN DI JALAN MUMONG
BYPASS, KUALA BELAIT.**

DA/JKSH/47/2014/2015 [BPPA-JULAI-2014]	SEBUTHARGA RANCANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN MINUM PANAS, MEMBEKAL DAN MENGANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PERMAKAMAN DAN MINUM DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN BAGI A. SEKOLAH RENDAH SINAT, B. SEKOLAH RENDAH BUKIT PANGGAL, DAERAH TUTONG, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOR TIGA [3] BULAN. [BAGI KOD BLOK : MP/34]	\$10.00 [Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan]	26/07/2014 [Tidak lewat jam 9.00 pagi]
DA/JKSH/48/2014/2015 [BPPA-JULAI-2014]	SEBUTHARGA RANCANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN MINUM PANAS, MEMBEKAL DAN MENGANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PERMAKAMAN DAN MINUM DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN BAGI A. SEKOLAH RENDAH DANAU, B. SEKOLAH RENDAH TELISAI, DAERAH TUTONG, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN,	\$10.00 [Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan]	26/07/2014 [Tidak lewat jam 9.00 pagi]

	NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOR TIGA [3] BULAN. [BAGI KOD BLOK : MP/35]		
DA/JKSH/49/2014/2015 [BPPA-JULAI-2014]	SEBUTHARGA RANCANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN MINUM KOTAK, MEMBEKAL DAN MENGANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PERMAKAMAN DAN MINUM DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN BAGI SEKOLAH RENDAH KATOK, TUNGKU, KAMPONG TUNGKU, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOR TIGA [3] BULAN. [BAGI KOD BLOK : MK/23]	\$10.00 [Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan]	26/07/2014 [Tidak lewat jam 9.00 pagi]

BILANGAN SEBUTHARGA	KETERANGAN	BAYARAN YURAN/ DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DA/JKSH/50/2014/2015 [BPPA-JULAI-2014]	SEBUTHARGA RANCANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN ASRAMA BASAH, MEMBEKAL DAN MENGANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PERMAKAMAN DAN MINUM DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN BAGI MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOR TIGA [2] BULAN. [BAGI KOD BLOK : AB/01 (A)]	\$10.00 [Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan]	26/07/2014 [Tidak lewat jam 9.00 pagi]
DA/JKSH/51/2014/2015 [BPPA-JULAI-2014]	SEBUTHARGA RANCANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN ASRAMA BASAH, MEMBEKAL DAN MENGANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PERMAKAMAN DAN MINUM DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN BAGI MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWA SULTAN, DAERAH BRUNEI MUARA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOR TIGA [2] BULAN. [BAGI KOD BLOK : AB/01 (B)]	\$10.00 [Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan]	26/07/2014 [Tidak lewat jam 9.00 pagi]

WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN DOKUMEN SEBUTHARGA

ISNIN HINGGA KHAMIS	:	8:00 PAGI HINGGA 11:45 PAGI 1:45 PETANG HINGGA 3:00 PETANG
SABTU	:	8:00 PAGI HINGGA 10:00 PAGI

[BULAN RAMADHAN]

WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN DOKUMEN SEBUTHARGA

ISNIN HINGGA KHAMIS	:	8:00 PAGI HINGGA 12:00 PAGI
SABTU	:	8:00 PAGI HINGGA 10:00 PAGI

5

SYARAT-SYARAT IKLAN SEBUT HARGA

- SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada Syarikat- Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Bayaran dokumen Sebut harga bagi setiap sebut harga adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penawar adalah di kehendaki membayar semua bayaran dokumen Sebut harga seperti yang diiklankan. Yuran Sebut harga tidak akan dikembalikan kepada setiap penawar sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang jujur (bone-fide tender).
- Kadar Bayaran dokumen Sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Sebut harga.
- Sebelum mengambil borang, setiap Penawar hendaklah membayar borang dokumen Sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan Resit pembayaran borang dokumen Sebut harga yang diterima adalah betul.

HARI DAN WAKTU PEMBAYARAN DOKUMEN

ISNIN DAN KHAMIS
8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI
1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
SABTU 8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI

HARI DAN WAKTU PEMBAYARAN DOKUMEN

(BULAN RAMADAN)
ISNIN DAN KHAMIS
8.00 PAGI HINGGA 12.00 PAGI
SABTU 8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI

- Borang-borang Sebut harga boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidma-

tan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

6. Setiap borang Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Dokumen Sebut harga.

7. Sebut harga-Sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Sebut harga, Tajuk Sebut harga dan Tarikh Tutup Sebut harga tanpa menunjukkan indentiti Penawar dan ditujukan kepada :-

Pengerusi, Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Bangunan Kementerian Pendidikan, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan. BB3510 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

8. SEBUT HARGA hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Unit Tawaran dan Sebut harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Kewangan 'A' Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Sebut harga-sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Sebut harga tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Sebut harga yang paling rendah atau sebarang Sebut harga yang tidak munasabah.

11. Setiap sebut harga yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penawar yang menolak atau membatalkan Sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi atau setelah tutup sebut harga akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

POS/T/25/JPP/2014-2015

MENYEWAWA RUANG-RUANG DI PEJABAT POS RIMBA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (FIXED)

Makluman am dan syarat-syarat perjanjian:-

1. Ruang tersebut terletak di Pejabat Pos Rimba.
2. Pelan ruang adalah seperti yang dilampirkan dalam muka surat 30.
3. Sebutharga ini dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17).
4. Syarikat yang berjaya akan dikehendaki untuk menyenaraikan jenis perkhidmatan kaunter yang akan dijalankan di ruang yang

disewakan. Senarai perkhidmatan hendaklah dinyatakan dalam sebutharga (Rujuk: LAMPIRAN B).

5. Sebutharga hendaklah dikembalikan kepada:

**Peti Sebut Harga
Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agung
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat Hari Selasa, 5 Ogos 2014, jam 2.00 petang. Sebutharga hendaklah disimpan dalam sampul surat tanpa menyatakan nama atau logo syarikat dan hendaklah ditulis di sebelah atas kiri dengan **TAWARAN PENYEWAAAN RUANG-RUANG DI CAWANGAN PEJABAT POS RIMBA.**

6. Syarikat mestilah mengisikan dengan lengkap keterangan syarikat (**LAMPIRAN D**).

7. Alat-alat perkakas yang diperlukan akan

disediakan sendiri oleh syarikat yang berjaya.

8. Deraf Dokumen Perjanjian disertakan di **LAMPIRAN E** untuk makluman awal. Syarikat di kehendaki untuk memahami segala isi kandungan Perjanjian sebelum mengahdapkan sebutharga.

9. Syarikat yang berjaya dikehendaki untuk membayar wang cagaran (deposit) kepada pihak kerajaan dengan kadar tiga (3) bulan sewa dalam bentuk Banker's Guarantee. Sewa bulanan hendaklah dibayar pada minggu pertama setiap bulan. Perkhidmatan kaunter akan diberhentikan jika Syarikat gagal membayar sewa ruang dalam masa tiga (3) bulan berturut-turut.

10. Syarikat yang berjaya tidak dibenarkan untuk menyewakan kepada pihak ketiga (3rd party).

11. Syarikat hendaklah menyatakan cadangan tawaran harga sewa bagi kelayakan untuk mendapatkan ruang kaunter berkenaan dengan kadar tawaran harga terendah (minima) iaitu sebanyak:

a. Ringgit Brunei **Satu Ratus Ringgit Sahaja (BND 100.00)** untuk ruang A,

b. Ringgit Brunei **Empat Ratus Ringgit Sahaja (BND 400.00)** untuk ruang B, &
c. Ringgit Brunei **Tiga Ratus Ringgit Sahaja (BND 300.00)** untuk ruang C

12. Syarikat boleh memberikan tawaran sewa untuk satu unit atau kesemua ruang (tertakluk kepada pilihan syarikat itu sendiri) tidak kurang daripada jumlah kadar minima sewa yang telah ditetapkan.

13. Tempoh penyewaan adalah selama tiga (3) tahun.

14. Pemasangan dan penggunaan telefon, elektrik dan internet adalah ditanggung sendiri oleh syarikat.

15. Syarikat yang berjaya hendaklah mendapatkan lebih dahulu Sijil Rampaian.

16. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab memastikan bahawa kawasan ruang sentiasa dalam keadaan kemas dan bersih.

17. Dokumen dan Borang Tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati:-

**Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan BS8611
Negara Brunei Darussalam.**



KEMENTERIAN KESIHATAN

JUALAN SECARA TAWARAN TERTUTUP KEPADA ORANG RAMAI BAGI PERALATAN-PERALATAN, PERKAKAS-PERKAKAS DAN PERABOT YANG TELAH ROSAK KEPUNYAAN HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA

UNTUK makluman borang-borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut boleh diperolehi di **Pejabat Pentadbiran Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Tingkat 1, Bahagian Pesakit Luar, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.**

Borang-borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah dihantar kepada:

**PETI
TAWARAN TERTUTUP
Bahagian Penghapusan Dari Kira-Kira,
Pejabat Pentadbiran Tingkat 1, Bahagian
Pesakit Luar,
Hospital Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha
Negara Brunei Darussalam.**

Syarat-syarat yang terkandung dalam borang-borang berikut adalah:

- Membayar secara TUNAI dalam masa **(2) dua hari** (tidak termasuk Hari Kelepasan Awam) apabila pembeli /

pengusaha / syarikat dimaklumkan berjaya bagi tender lelong secara tertutup ini.

- Pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya hendaklah memungkah barang-barang tersebut dalam tempoh **1 (satu) minggu** setelah pembeli / pengusaha / syarikat dimaklumkan berjaya.

- Pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya mestilah menyediakan kelengkapan pengangkutan pekerja-pekerja dari mengelakkan jangkitan kuman atau bahaya dan sebagainya.

- Pihak Hospital RIPAS akan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut peraturan yang berjalan pada masa ini kepada pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya tetapi **gagal** membuat pembayaran dan pemungkahan barang-barang dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.

- Pembeli / pengusaha / syarikat yang membuat tawaran harga yang paling

tertinggi akan dikira berjaya.

- Pembeli / pengusaha / syarikat yang gagal untuk membuat pembayaran secara tunai dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Hospital RIPAS seperti lazimnya akan memberi peluang kepada pihak kedua dan akan dikira berjaya dalam tender tersebut atau tertakluk pada peraturan dari pihak Kementerian Kewangan.

- Sebarang tuntutan atau aduan kehilangan dan kerosakan dalam masa tempoh yang ditetapkan bagi pemungkahan barang-barang tersebut pihak hospital tidak akan bertanggung jawab.

- Sebarang makluman berjaya atau tidak berjaya akan dimaklumkan melalui maklum balas selepas sahaja penilaian dibuat dan keputusan penilaian adalah muktamad.

- **Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Sabtu, 26 Julai 2014 jam 8.30 pagi.**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN SECARA SEBUT HARGA BAGI 60 BUAH KENDERAAN KEPUNYAAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DAN PASUKAN SIMPANAN GURKHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

Penjualan tawaran sebut harga dimulakan pada hari **Rabu, 23 Julai 2014 sehingga 30 Julai 2014 dan tarikh tutup ialah pada hari Rabu, 6 Ogos 2014.**

Keterangan barang adalah seperti berikut:
1. Jualan secara tawaran sebut harga tertutup bagi 60 buah kenderaan kepunyaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Simpanan Gurkha, Kementerian Pertahanan.
2. Yuran dokumen sebanyak **\$50.00 tunai (tidak dikembalikan)** bagi satu boring sebut harga dan borang tersebut boleh dibeli dan diambil dialamat berikut:

**Blok C, Tingkat Satu,
Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan,
Jabatanarah Kewangan dan Perolehan,
Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison**
3. Tarikh tutup: hari **Rabu, 6 OGOS 2014, TIDAK LEWAT JAM 10.00 PAGI.**

4. Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada harga-harga permulaan yang telah ditetapkan.

5. Kenderaan-kenderaan yang dilelong ini bolehlah dilihat di tempat yang disediakan iaitu di tempat penyimpanan kenderaan (casting area) di Berakas Garrison dan Penanjong Kem.
6. Jika sekiranya harga yang ditawarkan adalah kurang/tidak berubah, sebut harga berkenaan tidak semestinya Berjaya. Semua pembelian adalah berasaskan "as is" dan "where is".
7. Tawaran hendaklah dihantar dengan sam-

pul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan identity penawar dan dihantar kepada alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

**TAWARAN PEMBELIAN & PENG-
ANGKUTAN BARANG YANG DIHAPUS-
KAN DARI KIRA-KIRA KENENTERIAN
PERTAHANAN RUJUKAN : MIN-
DEF/DFA/MWOC/L/1 (04/2014)**

8. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam:

**Box No. 6, Peti Sebut Harga,
Blok D, Blok D, Tingkat Bawah,
Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan,
Jabatanarah Kewangan dan Perolehan,
Kementerian Pertahanan,
Bolkiah Garrison**

9. Maklumat lanjut mengenai dengan kenderaan-kenderaan, lokasi-lokasi dan borang sebut harga berkenaan, sila hubungi pihak RSSD Jabatanarah Logistik, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison di talian 2386147 / 2386900 untuk melihat / mengetahui keadaan kenderaan-kenderaan berkenaan. Dinasihatkan supaya akan dapat membuat perjanjian terlebih dahulu sebelum pemborong/penender membuat lawatan ke atas kenderaan berkenaan.

10. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akanditerima dan dilayan.

**SENARAI 60 BUAH KENDERAAN
YANG AKAN DIJUAL SECARA
TAWARAN SEBUT HARGA 04/2014**

**BIL / JENIS KENDERAAN /
BIL KENDERAAN MOD**

1. LAND ROVER DEFENDER 110 - 81 S
2. LAND ROVER DEFENDER 110 - 83 S

3. LAND ROVER DEFENDER 110 - 95 S
4. VOLKSWAGON AMBULANCE - 147 S
5. LAND ROVER DEFENDER 110 - 166 S
6. TRAILER FAB ROAD - 196 T
7. TRAILER FAB ROAD - 198 T
8. TRAILER FAB ROAD - 199 T
9. TRAILER FAB ROAD - 200 T
10. TRAILER FAB ROAD - 201 T
11. TRAILER FAB ROAD - 203 T
12. TRAILER FAB ROAD - 204 T
13. LAND ROVER 110 - 771
14. LAND ROVER 110 FFR - 990 T
15. LAND ROVER AMBULANCE DEFENDER - 1079
16. TOYOTA HIACE VAN - 1338
17. FORD TRANSIT UTILITY VAN - BG 9609
18. FORD TRANSIT UTILITY VAN - BG 9619
19. TRAILER FAB ROAD - MU/SS 011
20. FIELD KITCHEN TRAILER DMMK1-86 - 141 T
21. WATER TRAILER 200 GLN - 234 T
22. WATER TRAILER 200 GLN - 325 T
23. LAND ROVER 110 GS - 855
24. LAND ROVER DEFENDER 110 GS - 1089
25. LAND ROVER DEFENDER - 1090
26. LAND ROVER DEFENDER 110 GS - 1091
27. LAND ROVER 110 GS - 150 K
28. LAND ROVER 110 GS - 152 K
29. LAND ROVER 110 GS 153 K
30. MOTORSIKAL SUZUKI 550 cc - 167 K
31. MOTORSIKAL SUZUKI 550 cc - 191 K
32. MOTORSIKAL SUZUKI 550 cc - 192 K
33. MOTORSIKAL SUZUKI 550 cc - 193 K
34. TRAILER ¾ TON CARGO - 033 T
35. LEYLAND TRUCK 4 TON - 1240

36. PT 58 C GROVE CRANE ROUGH TERRAIN - 735 T
37. LEYLAND TRUCK 4 TON - 1230
38. LEYLAND TRUCK 4 TON WITH HIAB - 1244
39. LAND ROVER 110 FIELD AMBULANCE - 233
40. TRAILER 1 TON MST - 092T
41. TRAILER 1 TON MST - 093
42. TRAILER 1 TON MST - 094T
43. TRAILER 1 TON MST - 095
44. BEDFORD (4 TON) MEDIUM TRUCK - 1063
45. BEDFORD (4 TON) MEDIUM TRUCK - 1058
46. BEDFORD (4 TON) MEDIUM TRUCK - 1377
47. BEDFORD (4 TON) MEDIUM TRUCK - 1065
48. BEDFORD (4 TON) MEDIUM TRUCK - 1060
49. BEDFORD (4 TON) MEDIUM TRUCK - 1056
50. BEDFORD (4 TON) MEDIUM TRUCK - 1057
51. BEDFORD (4 TON) MEDIUM TRUCK - 1067
52. TRAILER ¾ TON - 157
53. BEDFORD TRUCK CARGO WITH HIAB - 181
54. TRAILER ¾ TON - 308
55. BEDFORD RHD LIGHT RECOVERY - 865
56. MERCEDES BENZ STARLINER LARGE BUS 42 SEATER - 1114
57. TRAILER LEYLAND CARGO 4x4 TON GS - 1343
58. LEYLAND 4x4 TRUCK FITTED WITH CRANE - 1350
59. TRUCK LEYLAND CARGO 4 TON 4x4 - 1359
60. TRUCK LEYLAND CARGO 4 TON 4x4 - 1360

Kumpulan YAQIN juara KKC Kementerian Pembangunan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir pada Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan Kementerian Pembangunan.

konvensyen di tahun-tahun akan datang.

Beliau menjelaskan, pasukan-pasukan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan adalah mereka yang komited, bermotivasi dan tekad untuk memperbaiki mana-mana kelemahan di dalam proses-proses kerja yang sedia ada.

Katanya, kaedah KKC ini akan berterusan dan semakin berkembang menjadi budaya kerja bukan sahaja bertujuan untuk menyertai konvensyen malah yang lebih bererti adalah penggunaannya sebagai kaedah bagi mana-mana inisiatif pembaikan atau pembaharuan proses-proses yang kurang efisien.

Turut hadir Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Ketua-Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan kakitangan kementerian tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai. - Kumpulan YAQIN yang mewakili Jabatan Ukur yang membawa tajuk 'Maklumat Penomboran Simpang Kurang Efisien' muncul johan Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, berlangsung di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan Kementerian Pembangunan.

Naib johan disandang oleh Kumpulan G-TECH dari Jabatan Ukur dengan tajuk 'Pengurusan Data yang Kurang Berkesan manakala Kumpulan CORS juga dari Jabatan Ukur membawakan tajuk 'Meningkatkan keupayaan Perkhidmatan CORS' menduduki tempat ketiga.

Sebanyak lapan pasukan menyertai pertandingan KKC Kementerian

Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Terdahulu Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dalam ucapannya menyatakan, melalui maklumat yang diterima dari jabatan-jabatan masih banyak lagi pasukan-pasukan yang aktif

menjalankan program-program KKC di jabatan masing-masing dan berpotensi untuk ikut serta dalam

KUMPULAN YAQIN dari Jabatan Ukur, johan Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bergambar ramai bersama hadiah yang mereka menangi.



Halaman Puisi ... Halaman Puisi ... Halaman Puisi ... Halaman Puisi ...

Syair Ramadhan Sr.1

Assalamualaikum saya ucapkan kepada awda pendengar sekalian syair Ramadan saya nukilkan bulan Yang Mulia sebagai persembahan

Bulan Rejab dan Syaaban sudah lah tiba sekalian muslimin disunatkan berpuasa melatih kita untuk bersedia menunaikan puasa rukun ketiga

Mengucap syukur ke hadirat Illahi dapatlah kita bertemu lagi bulan suci penuh diberkati hanya datang setahun sekali

Liputan langsung di radio dan televisyen hasil selesai penglihatan anak bulan kadi ditugaskan untuk mengumumkan maka bermulalah puasa Ramadan lapar dahaga pelbagai dugaan menjauhi diri dari perangai syaitan banyak pahala serta ganjaran terawih, tadarus pelbagai amalan

Malam Lailatul Qadar istimewanya Ramadan memohon doa ke hadirat tuhan beramal lah penuh bersopan insan yang khusyuk Allah muliakan

Ketika berpuasa hendaklah bersabar berserah diri janganlah ingkar tahanlah nafsu dan perbuatan mungkar kelakuan sumbang hendaklah dihindar

Bulan Ramadan banyak fadilatnya

seribu bulan nilai kelebihannya iblis syaitan di rantai semuanya bebas kita dari segala godaannya

Allah tunjukkan sifat pengasih Nya berjenis rezeki melimpah ruah beramallah kita serta bersedekah tiadalah kurang malah bertambah

Syair Ramadhan Sr.2

Syair Ramadan saya sambungkan dapatlah kita dipertemukan buat amal yang berkebakjikan patuhi segala suruhan Tuhan

Lihatlah mukjizat kuasa tuhan dunia di cipta tiada persamaan langit dan bumi lengkap diciptakan itulah bukti kebesaran tuhan

Mengerjakan puasa banyak cabaran anggaplah ia sebagai dugaan segala larangan wajib di hindarkan amalan yang baik akan dicatatkan

Semua amalan akan dikirakan pahala akan di lipatgandakan pintu taubat allah bukakan itulah kurniaan dan keagongan Tuhan bertasbih berselawat serta berdoa khusyuk dan tawaduk paling utama berpakaian bersihdan elok tempatnya serta sempurna tumakninahnya

Bulan yang suci penuh keberkatan memohon ampun segala kesalahan banyakkkan doa kepada Tuhan

agar dosa kita akan dihapuskan Banyakkkan amalan di bulan Ramadan nilainya tinggi di sisi Tuhan tunaikan dengan penuh keikhlasan agar terhindar dari kejahatan

Lailatul Qadar di bulan mulia terjadinya hanya sekali sahaja sepuh yakin dan usaha beruntungnya jika yang mendapatinya

Allah turunkan Al-Qur'an bulan Ramadan kepada Nabi Muhammad Rasul pilihan melalui Jibril utusan Tuhan Di Gua Hirah tujuh belas Ramadan

Dk. Hjh Adinorzah Pg. Hj. Md. Noor

Syair Ramadhan Sr.3

Ramadan bulan yang suci jagalah kesihatan diri sendiri sihat rohani dan jasmani jiwa tenteram menyenangkan hati

Bangun sahur dinihari makan bersama keluarga, anak dan isteri berpuasa dan niat sepuh hati jika ditinggalkan memanglah rugi

Di waktu sedang berpuasa tutur kata dan keolahan mesti di jaga banyak bersabar serta ceria segala telanjur beristigfar segera

Banyak nikmatallah kurniakan hanya terdapat di bulan Ramadan berbelanja biar berpatutan

pembaziran mesti dihindarkan makanan di jual di sini sana berlambak-lambak di mana saja bijak memilih dengan kadarnya agar tidak membazir jadinya

Segala juadah sudah disediakan beraneka makanan di hidangan menunggu azan bedok disiarkan itulah nikmat allah kurniakan

Ya Allah panjangkan umur kami agar ditemukan bulan yang suci Ramadan yang sentiasa di nanti-nanti hanya datang setahun sekali

Terasa sedih di akhir Ramadan semua ditempuh dengan ketabahan nikmat tuhan sudah dirasakan dengan takwa serta keimanan

Hidup kita tiadakan kekal berusaha kita menambah amal pasti kembali ke tempat asal kalau terlewat pasti akan menyesal penghujung Ramadan tunaikan segera zakat fitrah tuntutan agama kalau lewat laksanakan, rugilah kita hanya sedekah akan jadinya

Sekianlah dulu ketemu lagi syair di karang setakat ini salah dan silap mohon maaf salam sejahtera seikhlas hati

Dk. Hjh Adinorzah Pg. Hj. Md. Noor

Pelajar MTSSR meterai perjanjian sebagai perintis

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai. - Tiga puluh pelajar dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal telah dinamakan sebagai perantis bagi Skim Latihan Perantisan dua tahun dalam Sijil Kemahiran BDTVEC SC3 Perantisan Masakan Profesional dan Perkhidmatan.

Majlis menandatangani Perjanjian Memorandum (MoU) antara perantis dengan Starlodge Hotel dan Millennium Restoran Makanan Segera telah diadakan di Hotel StarLodge di Jerudong.

Dalam Siaran Akhbar Institut Pendidikan Teknikal Brunei menandatangani MoU bagi pihak StarLodge Hotel ialah Christina Baker dan Millennium dan Restoran Makanan Segera ialah Awang Haji Masri bin Haji Hamzah manakala Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli

ditandatangani bagi pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IPTB),

Skim latihan perantisan tahun ini juga melibatkan sama Kumpulan Chef Mauri Restoran, Millennium Makanan Segera & Restoran, Orchid Garden Hotel, Radisson Hotel, Royal Brunei Catering Sdn. Bhd., Royal Brunei Polo & Riding Club Sdn. Bhd., Starlodge Hotel, The Brunei Hotel, The Empire Hotel and Country Club dan The Rizqun International Hotel.

Hadir menyaksikan majlis selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Pesuruhjaya Buruh, Awang Shahrman bin Haji Besar; Penolong Pengarah Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Dr. Haji Mohd. Zamri

bin Haji Sabli, pegawai-pegawai Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan eksekutif kanan dari perkhidmatan hotel dan sajian.

Jadual latihan asas setahun akan berjalan secara 'on job training' di institusi dan setahun lagi di industri.

Selain itu, mereka juga akan menjalani latihan kemahiran am dan pekerjaan dan juga akan dibimbing dalam pembangunan kemahiran seperti pengurusan diri, perancangan dan organisasi, komunikasi, bekerja dengan rakan lain, penyelesaian masalah, inisiatif dan keusahawan, numerasi, reka bentuk dan kemahiran teknologi, dan pembelajaran.

Skim perantisan adalah sama dengan sistem latihan dua-dua yang digunakan oleh negara-negara maju di Eropah.



WAKIL dari IPTB Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli ditandatangani bagi pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei bertukar dokumen yang telah dimeterai bersama wakil dari salah sebuah agensi swasta.



TIGA puluh pelajar dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal yang berjaya sebagai perantis bagi Skim Latihan Perantisan dua tahun dalam Sijil Kemahiran BDTVEC SC3 Perantisan Masakan Profesional dan Perkhidmatan bergambar bersama Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Lapan pelajar wakili negara ke KIMC 2014



PELAJAR-pelajar Negara Brunei Darussalam yang menyertai Pertandingan Antarabangsa Matametik Korea di Daejon.

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Julai, Ahad. - Seramai lapan orang pelajar mewakili Negara Brunei Darussalam ke Pertandingan Matematik Antarabangsa Korea, 'Korea 2014 International Mathematics Competition (KIMC 2014)' di Daejon, Korea dari 21 Julai hingga 26 Julai 2014.

Delegasi negara terdiri daripada lapan orang pelajar Sekolah Menengah dan Rendah masing-masing diwakili oleh pelajar Tahun 9, iaitu Tan Zhi Qi (Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan); Awangku Muhammad Anwari Fikri bin Pengiran Ali Sham (Sekolah Menengah Berakas); Awang Amillen Fizry bin Senaut (Sekolah Menengah Muda Hashim) dan Bryan Lim How Wei (Sekolah St. Andrew), manakala pelajar Tahun 6 diwakili oleh Dayang Nur Afiah Farahiyah binti Muhsin dan Awang Muhammad Haziq Asyraf bin Jeffery (Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah); Dayang Dayana binti Idrus (Sekolah Stella) dan Dayang Nurul Aqilah binti

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Mohd. Mahdi Morsidi

Aminuddin (Sekolah Nusa Laila Puteri, Sungai Buloh).

Turut serta selaku ketua rombongan ialah Dayang Hajah Normimah binti Haji Abu Bakar dan diiringi sama oleh dua orang pengiring dan pembimbing masing-masing iaitu Dayang Rosita binti Haji Abdul Halim dan Awang Safuanny bin Haji Juned.

Hadir di ruang legar Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan, Dayang Sarimah binti Abu Bakar serta ahli keluarga dan rakan pelajar yang terlibat.

Pada tahun ini, Republik Korea menjadi tuan rumah KIMC 2014 dan penyertaan kali ini adalah terdiri daripada pelajar jemputan dari 33

negara, di antaranya Australia, Bangladesh, Bulgaria, Kanada, China, Cyprus, Ghana, Hong Kong, India, Indonesia, Iran, Thailand, Singapura, Malaysia dan termasuk Brunei Darussalam akan menghadiri KIMC 2014.

Antara objektif KIMC 2014 adalah untuk memberikan motivasi kepada guru dan pelajar dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran matematik dengan lebih berkesan dan efektif selain memberikan peluang-peluang untuk bertukar-tukar pengetahuan matematik dan amalan dan pengalaman budaya di kalangan pelajar dari negara-negara yang mengambil bahagian dan untuk menaik taraf mata pelajaran matematik di sekolah supaya setaraf dengan piawaian antarabangsa.

Tiga buah gedung didapati menyalahi Kawalan Harga

Berita dan foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 19 Julai. - Tiga buah gedung perniagaan di Daerah Belait telah didapati melakukan beberapa kesalahan terutama ke atas barangan yang telah ditetapkan harga sempena musim perayaan.

Ekoran itu, peniaga-peniaga yang terlibat telah diberi amaran secara lisan oleh Bahagian Penguatkuasaan Kawalan Harga, Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) Brunei dan serta-merta dan membuat pembetulan.

JPKE akan membuat lawatan susulan bagi memastikan semua teguran sentiasa dipatuhi dan mana-mana peniaga yang gagal mematuhi atau melakukan kesalahan undang-undang dan peraturan yang termasuk di bawah Akta Kawalan Harga boleh dikeluarkan kompaun tidak melebihi BND1,000.

Bagi memastikan undang-undang dan peraturan di bawah Akta Kawalan Harga Penggal 142 dipatuhi dan dilaksanakan, JPKE telah mengadakan lawatan mengejut di tiga buah gedung perniagaan, di sini.

Lawatan pegawai-pegawai penguatkuasa kawalan harga diketuai oleh Penolong Pengarah dan Ketua Bahagian Penguatkuasaan Kawalan Harga, JPKE, Awang Haji Abdul Razak bin Haji Angas bagi memastikan semua undang-undang dan peraturann di bawah Akta Kawalan Harga Penggal 142 dipatuhi setiap masa.

Awang Haji Abdul Razak menyatakan, pada bulan ini, pihak JPKE telah mengeluarkan senarai barangan yang dikawal harga secara bermusim sebanyak 160 barangan telah ditetapkan harga maksimum.

“Mana-mana harga yang didapati mahal atau tinggi daripada yang ditetapkan, pihak JPKE akan memberi amaran kepada peniaga-peniaga,” jelasnya.

Lawatan tersebut khusus bagi memastikan barang-barang yang ditetapkan harga dipatuhi, tanda-tanda harga sentiasa dibubuh dengan jelas dan teratur selaras dengan Bab 5 Akta Kawalan Harga dan Peraturan-peraturan Jualan Harga Murah dipatuhi.

Lawatan kali ini dibuat khusus bagi memastikan barang-barang yang ditetapkan harga sempena musim perayaan dilaksanakan, tanda-tanda harga sentiasa dibubuh jelas dan teratur selaras dengan Bab 5 Akta Kawalan Harga dan Peraturan-peraturan Jualan Harga Murah dipatuhi.

Awang Haji Abdul Razak menyeru orang ramai supaya berhati-hati dan bersikap bijak semasa berbelanja dengan membuat perbandingan harga sebelum berbelanja dan bagi peniaga-peniaga pula, hendaklah memastikan harga yang dijual, harga yang ditetapkan oleh kerajaan mestilah sentiasa dipatuhi.

“Sebarang pertanyaan dan aduan mengenai harga barangan yang terkawal atau aktiviti-aktiviti jualan, orang ramai disarankan untuk menghubungi JPKE di talian hotline 2230223 (waktu pejabat) atau terus ke pejabat JPKE semasa waktu bekerja atau memberikan maklum balas melalui e-mel aduanpengguna@jpke.gov.bn,” jelas beliau.



PEGAWAI-PEGAWAI Penguatkuasa JPKE sedang memeriksa barangan di salah sebuah gedung di Kuala Belait.

MKJR sampaikan mesej keselamatan jalan raya

Dari muka 1

Di Daerah Brunei dan Muara, sekatan jalan raya telah diadakan di kedua-dua lokasi strategik untuk mengagihkan kad-kad Hari Raya termasuk Risalah Panduan Memandu Keselamatan Jalan Raya iaitu di Lebuhraya Tungku Link dan Lebuhraya Hassanal Bolkiah.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, selaku Penasihat MKJR telah mengagihkan kad raya dan risalah di kawasan Lebuhraya Tungku Link.

Juga menyertai kempen tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi MKJR dan Pengarah JSKLL, Penguasa Kanan Polis Awang Azahari bin Haji Awang Besar.

Ketika ditemu bual oleh Pemberita PELITA BRUNEI, Menteri Perhubungan menjelaskan bahawa kempen tersebut merupakan inisiatif MKJR di dalam menyampaikan pesan kepada orang awam agar sentiasa beringat-ingat terutama sekali semasa Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

“Kita mestilah sentiasa peka dan ingat akan beberapa aspek-aspek di jalan raya seperti jangan menggunakan telefon bimbit ketika memandu, jangan mengekori kenderaan di hadapan terlalu dekat, mengikut had laju di jalan raya yang telah diterapkan, jangan melanggar lampu merah dan sentiasa berawas-awas ketika pejalan kaki menyeberang jalan raya,” ujar Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat berharap dengan adanya kempen itu para pemandu akan sentiasa mematuhi segala peraturan-peraturan dan undang-undang ketika berada di jalan raya dan sentiasa bersikap bertolak ansur bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sementara itu, pengagihan kad raya dan risalah di kawasan Lebuhraya Hassanal Bolkiah pula disampaikan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor serta ahli-ahli MKJR termasuk pengarah-pengarah di bawah Kementerian Perhubungan dan Pengarah Jalan Raya Kementerian Pembangunan, Yee Kok On.

Dalam temu bual bersama media, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin turut mengingatkan para pengguna jalan raya secara keseluruhannya agar lebih berhati-hati terutamanya pada musim Hari Raya yang akan menjelang tiba ini.

Menurutnya, para pemandu dinasihat agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang telah ditetapkan dan jangan memandu ketika dalam keadaan mengantuk.

Kempen yang serupa juga diadakan serentak di daerah-daerah lain yang mana ianya diketuai oleh pegawai-pegawai daerah masing-masing.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, selaku Penasihat Majlis Keselamatan Jalan Raya mengagihkan kad Hari Raya dan risalah di kawasan Lebuhraya Tungku Link (Foto : Ihsan Brunei Times), sementara gambar bawah, Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor mengagihkan kad Hari Raya dan risalah di kawasan Lebuhraya Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



YTM berangkat ke Majlis Tahlil



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia telah dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengerusi 1 Lembaga Pengarah YSHHB dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Timbalan Pengerusi 2 Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis Bertahlil itu adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



YANG Teramat Mulia berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam paduka nenda YTM di Kubah Makam Diraja.

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit sebagai satu kegiatan tahunan bagi menyemarakkan bulan suci Ramadan dengan kegiatan yang mubarak yang penuh ganjaran pahala yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Mengetuai bacaan Surah Al Faatihah ialah Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin

Haji Ibrahim, Ahli Jemaah Tadbir YSHHB yang juga memimpin membaca Surah Yaa Siin, bacaan tahlil serta membaca doa tahlil dan doa selamat.

Juga hadir termasuklah Timbalan Pengerusi 2 Jemaah Tadbir YSHHB, Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB dan lebih 50 orang yang terdiri daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB, penduduk-penduduk Rancangan Perumahan Kampung Bolkiah 'A' dan 'B'.

Penglihatan anak bulan Syawal 1435H pada 27 Julai 2014M

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Jabatan Mahkamah Rayuan Syariah memaklumkan bahawa penglihatan anak bulan Syawal tahun 1435 Hijriah akan dilakukan di seluruh negara pada petang hari Ahad, 29 Ramadan 1435H bersamaan 27 Julai 2014 Masihi.

Hakim-Hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri bersama pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Mufti Kerajaan akan berada di tempat-tempat yang ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan

Syawal 1435H) di Menara DST, Bangunan Ibu Pejabat DST, Lebuhraya Tungku; Bukit Agok, Jerudong Daerah Brunei dan Muara; Bukit Lumut, Daerah Belait dan Bukit Ambok, Daerah Tutong.

Berikutan itu, pengumuman satu Syawal (awal Syawal bagi tahun 1435H/2014M) akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei sebaik sahaja rukyah pada petang 29 Ramadan 1435H/27 Julai 2014M itu diperoleh pihak berkenaan.

Sehubungan itu, orang ramai diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

'BERWASPADA DI JALAN RAYA MENJELANG MUSIM PERAYAAN'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.